# LAPORAN TAHUNAN 2014

## POLITEKNIK KOTA BHARU





# LAPORAN TAHUNAN 2014

## POLITEKNIK KOTA BHARU

POLITEKNIK
MALAYSIA
KOTA BHARU

POLITEKNIK KOTA BHARU
KM 24, Kok Lanas, 16450 Ketereh, Kelantan
Tel : +609 788 9126   Fax : +609 788 8739
www.pkb.edu.my

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Misi dan Visi | iii |
| Dari Meja Pengarah | iv |
| Struktur Organisasi | 1 |
| Carta Organisasi | 8 |
| Jabatan Kejuruteraan Awam | 5 |
| Jabatan Kejuruteraan Elektrik | 9 |
| Jabatan Kejuruteraan Mekanikal | 17 |
| Jabatan Perdagangan | 21 |
| Jabatan Matematik, Sains dan Komputer | 30 |
| Jabatan Pengajian Am | 34 |
| Jabatan Hal Ehwal Pelajar | 37 |
| Unit Ko-Kurikulum | 41 |
| Unit Perhubungan Latihan Industri | 47 |
| Unit Perpustakaan | 50 |
| Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia | 55 |
| Unit Sistem dan Teknologi Maklumat | 57 |
| Unit Pembangunan dan Penyenggaraan | 59 |
| Unit Penyelidikan dan Inovasi | 62 |
| Unit Kamsis | 64 |
| Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan | 67 |
| Unit Kualiti | 70 |
| Unit Psikologi dan Kerjaya | 75 |
| Unit Keusahawanan | 78 |
| Unit Sukan | 82 |
| Unit Pentadbiran | 84 |
| Data dan Statistik | 85 |
| Konvokesyen 2014 | 90 |
| Keratan Akhbar | 92 |




# DARI MEJA PENGARAH

Assalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia.

Saya mengucapkan syabas kepada pasukan penerbit yang telah Berjaya menerbitkan Laporan Tahunan Politeknik Kota Bharu (PKB) bagi tahun 2014. Penerbitan Laporan Tahunan ini penting dan ianya merupakan salah satu sumber utama dalam menyampaikan maklumat dan merekodkan hasil kerja warga PKB dalam usaha merealisasikan visi dan misi Jabatan Pengajian Politeknik.

Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada semua barisan warga kerja PKB yang amat positif dan proaktif, dimana sepanjang tahun 2014 PKB telah memahat sejarah tersendiri dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan kegiatan serta meraih beberapa kejayaan yang membanggakan, antaranya mendapat tempat ke 3 Liga Bolasepak IPT serta juara Karnival Sukan Politeknik Malaysia bagi tahun 2014. Manakala pada 17 November 2014 telah menerima pengiktirafan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) oleh MPC. PKB juga telah menerima pengiktirafan ISO 9001:2008 dengan skop persijilan perkhidmatan pendidikan diperingkat Diploma dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan oleh SIRIM dan The International Certification Network.

Disamping itu PKB juga turut meraih beberapa kejayaan dan anugerah dalam bidang akademik, kemahiran, kebudayaan dan inovasi. Hal ini tidak akan dicapai melainkan dengan usaha gigih dan semangat kerjasama yang wujud dikalangan semua warga PKB. Saya berharap serta berdoa agar PKB berupaya melahirkan lulusan yang cemerlang dan gemilang dalam semua bidang demi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Ke arah itu kita semua warga PKB dipohon agar sentiasa menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi dan proaktif dalam setiap tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.



Sekian, terima kasih.

HJ. NOOR AZAHAN BIN OTHMAN
Pengarah
Politeknik Kota Bharu




Politeknik Kota Bharu mula beroperasi pada 1985 di kampus sementara di Sekolah Menengah Teknik Pasir Mas, Bunut Susu, Kelantan. Politeknik Kota Bharu telah berpindah ke kampus kekal pada tahun 1988 di Kok Lanas, Ketereh. Pada awal penubuhannya, bilangan pelajar adalah seramai 400 orang dengan 44 orang tenaga pengajar. Kini PKB mempunyai 5 567 orang pelajar dengan 480 orang staf akademik dan 127 orang staf bukan akademik.

# CARTA ORGANISASI




# JAWATANKUASA PENERAJU



# KOLABORASI

Jalinan kerjasama di antara Politeknik Kota Bharu dan pemain-pemain industri.




A INB Enterprise (Kontraktor Binaan)
B Amin Megoh Concept (Firma Arkitek)
C Universiti Malaysia Perlis
D Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Taiping
E Ventech Consult (Kontraktor Telekomunikasi)
F Persatuan Bumiputera Telekom Malaysia
F Persatuan Bumiputera Telekom Malaysia
G Universiti Teknikal Malaysia, Melaka
H TNB Transmission, PMU 275KV Bachok
I Radio Malaysia Kelantan FM, Jabatan Penyiaran Kelantan
J Freewill Auto Sdn Bhd (Servis Kenderaan)
K Zone Inspection & Services Sdn Bhd
L Worldwide Technocount Consulting Services
M Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI)
N Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

# PENGANTARABANGSAAN

Merealisasikan Teras Kelima Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara




















































A Lawatan Akademik ke Selatan Thailand (JKA : 30 Januari - 2 Feb 2014)
B Delegasi Akademik ke Univesiti Saigon, Vietnam (JKA : 11 - 14 Nov 2014)
C Program Peningkatan Kecemerlangan dan Pertukaran Pelajar PKB 2014 di Curtin University, Miri dan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR), Brunei (8 - 16 Nov 2014)
D Delegasi Akademik dan Keusahawanan ke Jakarta dan Bandung, Indonesia (JP : 17 - 20 Feb 2014)
E Co-curriculum Entrepreneurship Research Programme 2014 - Cambodia (Unit Kokurikulum : 13 - 16 Dis 2014)

# KONFERENSI, SEMINAR & KOLOKIUM

Penganjuran dan penyertaan Warga PKB









1. Kolokium Penyelidikan Teknikal & Sains Sosial Peringkat Politeknik Zon Timur 2014 (KPTSS'14) (20-21 Mei 2014)
2. National Conference on Mechanical Engineering 2014 (NCME'14) (23-25 Jun 2014)
3. Kolokium Penyelidikan dan Penulisan Kokurikulum Peringkat Politeknik Zon Timur 2014 (KPPKo'14) (13 Ogos 2014)
4. Conference of Internalisation of Malaysia's Polytechnic Education 2014 (CIMP'14) (9 Sep 2014)
5. Seminar Penyelidikan Matematik, Sains dan Komputer Peringkat Zon Timur 2014 (SPMSK'14) (17 Nov 2014)

# JABATAN KEJURUTERAAN AWAM




Satu jabatan induk di Politeknik Kota Bharu yang diterajui oleh Tuan Haji Mohd Zardy Ab Rahman dan dibantu oleh En Mazlan Che Md Jusoh selaku Ketua Program Kejuruteraan Awam dan En Wan Mohd Haniff W Mohd Shaupil selaku Ketua Program Ukur Bahan. Jabatan ini mempunyai 90 orang kakitangan akademik dan 3 orang kakitangan sokongan. Sepanjang tahun 2014 Jabatan Kejuruteraan Awam telah menjalankan pelbagai aktiviti samada melibatkan pelajar dan juga staf. Aktiviti tersebut terdiri daripada seminar, bengkel, lawatan akademik dan industri serta kursus-kursus.

### Pertandingan Paintball Terbuka JKA

Pada 25 Januari 2014 yang lepas, Persatuan Pelajar Kejuruteraan Awam telah mengadakan Pertandingan Paintball Terbuka bertempat di Padang Politeknik Kota Bharu. Disertai oleh para pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam. Bertujuan memupuk semangat toleransi dan saling mengenali antara pensyarah kearah melahirkan kakitangan yang bermotivasi dan memiliki semangat kerja berpasukan.

### Kursus Akademik Pelajar Kejuruteraan Awam Kursus Critical Path Method (CPM)

Persatuan Pelajar Kejuruteraan Awam Politeknik Kota Bharu telah menganjurkan "Kursus Akademik Pelajar Kejuruteraan Awam Kursus Critical Path Method", pada 8 dan 15 Mac 2014 yang lalu bertempat di Makmal Komputer 2 dan 3. 80 orang pelajar dari Semester Lima telah mengikuti kursus ini yang bertujuan memberi pendedahan mengenai "Critical Path Method", sebagai persediaan awal apabila bekerja dan memudahkan pelajar untuk menyesuaikan diri dengan perkerjaan nanti.

### Route To Sabah

Program "Route To Sabah" telah dilaksanakan pada 26 hingga 29 April 2014. Bertujuan mendedahkan kepada AJK Persatuan Pelajar Kejuruteraan Awam kepada kepimpinan pelajar di sesuatu institusi yang semakin kompetitif, memupuk dan memantapkan semangat kerjasama di antara AJK serta memberi ruang kepada pelajar untuk berinteraksi secara sihat dan terkawal. Program ini berjalan dengan lancar dengan kerjasama yang baik dari warga Politeknik Kota Kinabalu bagi penyediaan perkhidmatan pengangkutan dan penginapan kepada peserta dan pensyarah pengiring. Program ini juga mendapat sambutan yang positif dari pihak Universiti Malaysia Sabah dan pihak Malaysian Timber Industry Board dengan memberi pendedahan



**Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2014**

Pada 12 hingga 14 Ogos 2014 seramai 10 orang pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Awam (Kumpulan XPERT) telah menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia bertempat di Politeknik Merlimau, Melaka. Konvensyen ini disertai oleh 33 kumpulan dari politeknik seluruh Malaysia. Terdapat dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori teknikal dan pengurusan. Manakala setiap kategori pula dibahagikan kepada tiga pertandingan iaitu pameran, pembentangan dan viva. Kumpulan XPERT telah membangunkan Sistem i-Lab Ukur Kejuruteraan sebagai satu alternatif dalam persediaan untuk kerja amali Ukur (CN205) dan telah berjaya meraih Anugerah Emas bagi Kategori Pengurusan.

**Pertandingan "High Early Strength Concrete Cube" September 2014**

Empat kumpulan pelajar daripada Politeknik Kota Bharu telah menyertai satu pertandingan Peringkat Kebangsaan iaitu "High Early Streangth Concrete Cube Competition" di UiTM, Shah Alam pada 19 - 20 September 2014. Kumpulan ini di iringi oleh 5 pensyarah pengiring selaku penasihat kumpulan pelajar. Pertandingan dengan 45 Penyertaan daripada IPTA, IPTS, Industri, Politeknik dan Kolej Kemahiran Mara telah memberikan pengalaman dan cetusan idea terhadap inovasi kreatif dalam bidang konkrit. Pemenang tempat pertama pertandingan ini adalah SIKA KIMIA Sdn. Bhd dengan 89.9 Mpa, tempat kedua adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (SIKA Internship) - 58.1 Mpa dan tempat ketiga Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) - 51.8 Mpa.

**International Exposition On Syariah Compliant Idea, Invention, Innovation And Design (ISCIIID 2014)**

Pada 27 November 2014, Jabatan Kejuruteraan Awam mewakili Politeknik Kota Bharu telah menyertai International Exposition on Syariah Compliant Idea, Invention,Innovation and Design (ISCIIID 2014) bertempat di UITM, Shah Alam, Selangor. Pertandingan ini adalah julung kali di adakan dan mendapat sambutan yang sangat menggalakan dari peserta. Peserta pertandingan ini terdiri dari 134 kumpulan yang mana terdiri dari pelajar sekolah menengah, IPTA, golongan profesional serta pihak industri. Dua kumpulan yang di wakili oleh 6 orang pelajar dan 3 orang pensyarah iaitu telah berkampung di Dewan Sri Budiman selama dua hari iaitu pada 26 dan 27 November 2014. Pada majlis penutup pertandingan, kumpulan projek 'PLYBAMBOO sebagai alternative menggantikan PLYWOOD' telah berjaya di nobatkan anugerah Emas manakala produk ' Rekabentuk Bumbung Hijau' telah merangkul anugerah Gangsa. Di harapkan program seperti ini dapat menonjolkan lagi produk yang dihasilkan dari politeknik secara tidak langsung dapat menaikkan mutu dan keterampilan pelajar serta nama Politeknik Kota Bharu khasnya.

**Kursus Membaca Pelan Bangunan, Program Ukur Bahan (Training Of Trainers) Politeknik Kota Bharu**

Satu Kursus Membaca Pelan Bangunan telah jalankan pada 02 hingga 06 Disember 2014, bertempat di Dewan Kuliah 1/GCL6 & 7/Studio 3, Politeknik Kota Bharu. Seramai 95 orang pelajar semester 2 Program Diploma Ukur Bahan, Politeknik Kota Bharu. Kursus ini dijalankan bagi merealisasikan matlamat Politeknik Kota Bharu sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan (COT) dalam bidang Ukur Bahan. Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai kaedah dan teknik membaca pelan bangunan dengan betul. Disamping itu, ia juga memberi pendedahan kepada semua peserta terlibat tentang anggaran kos binaan bangunan, memahami penggunaan perisian AutoCAD untuk Ukur Bahan, memahami pembinaan di tapak bina dan latihan praktikal di studio sebagai persediaan awal sebelum mereka menjalani Latihan Industri.

**Program Gotong Royong PPKA**

Program gotong royong PPKA telah diadakan pada 16 Disember 2014 yang bertempat Kg. Alor Hijau, Selinsing, Kelantan dianjurkan dengan kerjasama 1M4U Malaysia sempena Hari Sukarelawan Sedunia. Seramai 40 peserta yang terdiri daripada pelajar Kejuruteraan Awam Politeknik Kota Bharu telah mengikuti program ini di mana aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti menanam semula pokok, mengecat masjid, dan membersihkan kawasan. Kursus ini telah dikelolai oleh 6 orang pegawai dengan bantuan 40 orang pelajar dari bidang Kejuruteraan Awam Politeknik Kota Bharu.

# JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK



Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) adalah antara 4 jabatan induk di Politeknik Kota Bharu (PKB) yang melaksanakan program Diploma Kejuruteraan Elektronik-Komunikasi (DEP), Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE). Seiring dengan misi dan visi JKE untuk memantapkan jabatan ke arah lebih cemerlang dan mampu melahirkan graduan yang berkualiti tinggi, JKE dibarisi staf akademik dan sokongan yang professional, berkelayakan, berdedikasi dan berpengalaman luas. Seramai 92 orang staf akademik dan 5 orang staf sokongan yang terlibat sepenuhnya dalam p&p serta pentadbiran.

| | | |
|---|---|---|
| Ketua Jabatan | : | Tuan Haji Zainuddin Bin Omar |
| Ketua Program DEP | : | Puan Rahimah Binti Yunus |
| Ketua Program DEE | : | Encik Rizan Bin Othman |
| Ketua Program DET | : | Encik Mohd Noor Bin Ismail |

| Staf akademik / Program | DEP | DEE | DET |
|---|---|---|---|
| Ketua Program | 1 | 1 | 1 |
| Pensyarah | 30 | 27 | 31 |
| Jumlah | 31 | 28 | 32 |



**VISI JABATAN**

To be the nation's leading provider of semiprofessionals in electrical engineering through transformational education and training for the global workforce by 2015.

**MISI JABATAN**

Providing quality education at Diploma and Advanced diploma levels in electrical engineering that meets international standards and fostering collaborations with industries and other institutions.

**Seminar Industri JKE 'Evolution in Communication System towards Next Century' bersama Celcom Axiata (M) Bhd, Kota Bharu**

Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Kota Bharu (PKB) bersama pihak Celcom Axiata (M) Berhad, Kota Bharu telah mengadakan seminar industri selama sehari pada 20 Januari 2014 di Dewan Al Ghazali, PKB. Seminar ini telah dikendalikan oleh penceramah daripada Senior Technical Executive Celcom iaitu En.Abdul Ghani Bin Mohamad dengan seliaan para pensyarah dan jawatankuasa pelajar. Penglibatan 164 orang pelajar semester 3 DEE, DET dan DEP bersama pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik menjadi tunjang kesepakatan ilmu dengan pelbagai pengisian seperti sesi soal jawab, pertukaran maklumat dan idea, perkongsian ilmu sebagai elemen penambah kefahaman pelajar dalam sistem komunikasi terutama dalam pengisyaratan, pemindahan maklumat terkini serta servis yang disediakan di Celcom Axiata (M) Berhad.

**Lawatan Akademik PKB ke SKDL dan UniMAP**

Program Lawatan Akademik Politeknik Kota Bharu ke Stesen Kabel Dasar Laut (SKDL) Perlis dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah berjalan dengan lancar pada tanggal 19 hingga 21 Februari 2014. Program ini telah disertai 30 orang pelajar bersama 4 orang pensyarah pengiring. Program ini telah berjaya memberikan pendedahan kepada pelajar–pelajar tentang isyarat penghantaran sistem komunikasi dan juga suasana kampus serta membuka minda dalam halatuju mereka selepas tamat pengajian.

**Program Siswa Cakna Komuniti JKE Bersama Qariah Masjid Mukim Kemubu, Kelantan**

Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Politeknik Kota Bharu telah berjaya mengadakan program khidmat masyarakat pada 26 dan 27 September 2014 di Masjid Mukim Kemubu, Kok Lanas, Kelantan dengan penglibatan seramai 53 orang pelajar bersama 36 orang pensyarah JKE. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Pengarah PKB iaitu Tn Hj Noor Azahan Bin Othman manakala Majlis Penutup pula disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik PKB iaitu Encik Kamaludin Bin Daud. Antara objektif program ini adalah untuk melatih sifat kepimpinan pelajar dalam pengurusan organisasi dan menyalurkan khidmat bakti melalui aktiviti gotong-royong membersih kawasan persekitaran masjid, menyediakan perkhidmatan pendawaian tambahan dan gantian secara percuma kepada masjid dan beberapa buah rumah yang terpilih. Program ini telah berjaya memupuk semangat perpaduan dan ikatan silaturahim dengan menziarahi beberapa orang warga emas dan ibu tunggal.

**Penganugerahan Sijil Status Akreditasi Penuh Program DEP oleh Pihak MQA**

Pada 25 Julai 2013, Program Diploma Kejuruteraan Elektronik Perhubungan (DEP) telah mendapat penganugerahan status akreditasi penuh oleh pihak MQA yang berkuatkuasa bermula pada 18 Disember 2012. Penganugerahan ini adalah berdasarkan hasil lawatan penilaian oleh pihak MQA bagi Program DEP yang telah dijalankan pada 20 dan 21 Mac 2013. Penganugerahan ini telah melayakkan program DEP untuk tersenarai di dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) yang berfungsi sebagai sumber rujukan dan panduan kepada pelbagai pihak berkepentingan berkaitan program pengajian tinggi dan kelayakan yang telah diakreditasikan di Malaysia.

**Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Program DEE dan DET oleh Pihak MQA**

Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh bagi Program Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (DEE) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) telah diadakan pada 29-30 September 2014 di Politeknik Kota Bharu. Objektif utama lawatan penilaian ini adalah bagi menentusahkan dan memperakui segala maklumat yang dikemukakan berkaitan program menepati standard kualiti (COPPA) dan mematuhi MQF bagi penganugerahan status akreditasi penuh program DEE dan DET. Panel Penilai yang terlibat adalah Dr. Ratna Kalos Zakiah Sahbudin dari UPM dan Encik Ahmad Yusri Dak dari UiTM. Manakala, Pegawai MQA yang turut serta ialah Cik Nurain Abdul Rahman dan Puan Farah Nazreen Zainal Aziz. Lawatan Penilaian ini melibatkan proses semakan dokumen, temubual, lawatan ke bengkel dan bilik kuliah serta pemerhatian proses P & P. Majlis Perasmian dan Penutup Lawatan Penilaian ini telah disempurnakan oleh Pengarah PKB iaitu Tn.Hj. Noor Azahan bin Othman.

**Malaysian International Robot Competition 2014 (MIRoC 2014)**

Malaysia International Robot Competitions, MIRoC merupakan pertandingan robot peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia. Pertandingan ini telah berlangsung pada 11 hingga 13 April 2014 di UniMAP, Perlis. Pasukan PKB telah berjaya mendapat tempat ketiga kategori kumpulan. Antara objektif pertandingan adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar melahirkan idea kreatif dan bertukar teknologi antara institusi. Pelajar juga didedahkan dengan teknologi baru terutamanya dalam bidang robotik. Ini dapat meningkatkan lagi kebolehpasaran pelajar apabila tamat pengajian kelak.

**PolySkills 2014 ke WorldSkills Malaysia Belia**

Pertandingan Kemahiran Peringkat Politeknik Malaysia (PolySkills) anjuran Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia diiktiraf sebagai platform utama dalam memilih peserta terbaik mewakili Politeknik Malaysia ke WorldSkills Malaysia sekali gus mewakili negara ke Pertandingan Kemahiran Asean (ASC) dan Pertandingan Kemahiran Dunia (WSC). PolySkills 2014 telah diadakan pada 25 hingga 27 Februari di Politeknik Mukah, Sarawak dan Politeknik Merlimau. Jabatan Kejuruteraan Elektrik, PKB telah menghantar empat peserta dalam bidang Electronics and Electrical Installation. Peserta PKB dalam bidang Elektronik, Harith Aslah bin Misnan telah berjaya mendapat pingat perak dan sekaligus telah terpilih mewakili Pasukan Politeknik Malaysia ke Pertandingan Pra Kelayakan WorldSkills Malaysia Belia yang di adakan di Mara Japan Industrial Institute (MJII) pada 8 hingga 11 Mac 2014. Hanya lapan peserta terbaik sahaja daripada peringkat pra kelayakan yang akan mara ke Peringkat Akhir WorldSkills Malaysia Belia yang diadakan di CIAST pada 16 hingga 19 Jun 2014.

**World Skills Malaysia**

Pertandingan World Skills Malaysia merupakan pertandingan kemahiran yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kerja Raya. Objektif penganjuran ini ialah untuk menguji tahap kemahiran belia dan tenaga pengajar agar hasrat kerajaan yang mensasarkan 50 peratus tenaga kerja mahir Negara menjelang tahun 2020 dapat direalisasikan. Pertandingan peringkat pra kelayakan untuk bidang elektronik telah diadakan di Mara Japan Industrial Institute (MJII) pada 8 hingga 11 Mac 2014. Seramai 100 peserta dari pelbagai institusi pendidikan dan kemahiran seluruh Negara telah bersaing untuk merebut lapan tempat pada Peringkat Akhir WorldSkills Malaysia. Peserta dari PKB, Harith Aslah bin Misnan telah berjaya mendapat tempat kelima sekaligus berjaya masuk ke peringkat akhir. Pertandingan Akhir WorldSkills Malaysia telah diadakan di CIAST pada 16 hingga 19 Jun 2014. Pada pertandingan akhir ini peserta dari PKB, Harith Aslah bin Misnan telah mendapat tempat kelima dengan penganugerahan Sijil Kecemerlangan dalam bidang Elektronik.



**Pameran Projek Pelajar JKE Tahun 2014**

Pameran projek adalah satu aktiviti wajib setiap semester yang dilaksanakan pada setiap minggu ke 15 bagi pelajar tahun akhir yang mengikuti kursus EE601-Project 2. Penilaian projek akan dibuat berdasarkan kepada kreativiti dan inovasi pelajar. Pada sesi Jun 2014, para pelajar daripada Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) DEP, Diploma Kejuruteraan Elektrik DET, dan Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik DEE telah mempamer projek akhir dimana ia adalah julung kali diadakan. Seramai 9 buah kumpulan pelajar JKE telah terpilih untuk mempamerkan projek masing-masing di INOTEX 2014 yang dianjurkan oleh PKB di Dewan Jubli Perak pada 30 September hingga 1 November 2014.

**Program Jalinan Mesra**

Persatuan Pelajar Kejuruteraan Elektrik (PPKE) merupakan salah satu persatuan yang bernaung di bawah jawatankuasa induk Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP), Politeknik Kota Bharu. Persatuan ini berperanan untuk menjaga kebajikan, mengawasi dan menerajui kecemerlangan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Sehubungan itu, pada 24 Jun 2014 PPKE dan Jabatan kejuruteraan Mekanikal telah menganjurkan program Jalinan Mesra antara pelajar PKB dengan masyarakat setempat dari segi khidmat bakti, gotong-royong dan pemuafakatan di Taman Wira Jaya. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan kejuruteraan Mekanikal dan KRT Mahang West. Program ini diadakan bertujuan untuk mengalu-alukan kedatangan pelajar baru (semester 2) serta suai mesra bersama penduduk setempat di setiap taman perumahan. Program ini telah berjaya membentuk personaliti pelajar dari aspek komunikasi, pengurusan, dan kepimpinan terhadap etika professional terutama dalam kursus Softskill.

**JKE PKB ke Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2014**

Konvensyen KIK 2014 peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia yang dianjurkan oleh Politeknik Merlimau, Melaka telah diadakan dari 12 Ogos hingga 14 Ogos 2014. Sebanyak 32 penyertaan daripada Politeknik Malaysia yang melibatkan 15 kumpulan teknikal dan 17 kumpulan kategori pengurusan. Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Kota Bharu telah diwakili oleh kumpulan EED Team yang terdiri daripada sembilan orang ahli untuk kategori teknikal telah dianugerahkan sebagai penerima sijil emas. Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah Konvensyen KIK 2014 peringkat Kebangsaan telah berlangsung di Dewan Serbaguna PMM dan disempurnakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu YBHG. LT. KOL (K) Datuk Haji Mohlis Bin Jaafar.

**Lawatan Akademik PKB ke Telekom (M) Bhd. Kota Bharu**

Tempat : Telekom Malaysia Berhad, Jalan Doktor, Kota Bharu Kelantan (27 Januari 2014)

Peserta : 26 orang pelajar semester 3 (DEE, DET, DEP), 4 orang pensyarah pengiring JKE dan penceramah jemputan Pegawai Teknik, Encik Mohd Noor Bin Hassan daripada Telekom Malaysia Berhad, Kota Bharu.

Objektif : Memberikan kefahaman kepada pelajar tentang maklumat dan teknologi terkini sejajar dengan keperluan program DEE, DEP dan DET, menarik minat pelajar untuk menceburi bidang telekomunikasi, seterusnya meningkatkan kebolehpasaran pelajar PKB disamping menjalankan program kolaborasi dengan pihak luar dan industri.

**Program Lawatan JKE ke Stesen Janakuasa Elektrik Sultan Mahmud di Kenyir Terengganu**

Tempat : Stesen Janakuasa Elektrik Sultan Mahmud Kenyir Terengganu (19 Jan 2014 )

Peserta : 35 orang pelajar semester 3 DEE dan DET dan 5 orang pensyarah pengiring.

Objektif : Memberi pendedahan kepada pelajar secara praktikal tentang teknologi terkini yangdigunakan dalam bidang penjanaan tenaga elektrik di negara kita.

**Program Pemuafakatan JKE PKB (JKM & JKE)**

Tempat : Taman Atira dan Pinggiran Atira, Kok Lanas, Kelantan (1 Mac 2014)

Peserta : Pensyarah dan pelajar JKM dan JKE bersama komuniti setempat di Taman Atira

Objektif : Program ini dilaksanakan dengan kerjasama KRT Mahang West, Atira Group dan Majlis Daerah Ketereh Bandaraya Islam. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah gotong-royong membersihkan kawasan taman dan juga pelancaran pertandingan rumah bersih di Taman Atira 1, 2 dan 3. Program ini secara tidak langsung dapat memberi pendedahan, perkembangan dan hala tuju PKB, menyalurkan khidmat bakti, memupuk semangat perpaduan dan ikatan silaturrahim di kalangan penduduk setempat.

**Program Lawatan JKE di Pencawang Masuk Utama TNB ( PMU 275KV ) Tanah Merah**

Tempat : Pencawang Masuk Utama 275KV Tanah Merah, Kelantan. (4 Mac 2014 )

Peserta : 35 orang pelajar dan 5 orang pensyarah pengiring.

Objektif : Memberi pendedahan kepada pelajar secara praktikal tentang teknologi terkini yang digunakan dalam bidang Penghantaran dan Pengagihan tenaga elektrik di negara kita.

**Program Silaturrahim Pelajar Baru dan Perjumpaan Penasihat Akademik**

Tempat : Dewan Al Ghazali , PKB (19 Jun 2014)

Peserta : 320 orang pelajar, 9 orang Penasihat Akademik dan 10 orang Penyelaras Jabatan

Objektif : Memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar baru tentang organisasi Jabatan Kejuruteraan Elektrik serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelajar baru dengan pensyarah. Program ini juga menerangkan kepentingan sistem penasihatan akademik kepada pelajar dan juga disiplin yang harus diikuti oleh pelajar politeknik.

**Lawatan Akademik ke Telekom Malaysia Berhad, Kuala Terengganu**

Tempat : Telekom Malaysia Berhad, Kuala Terengganu (25 Jun 2014)

Peserta : 5 orang pensyarah dan pelajar semester 3 (DEP3A)

Objektif : Saluran maklumat kepada pensyarah dan pelajar semester 3 (DEP3A) Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP) di Politeknik Kota Bharu berhubung evolusi terhadap dunia telekomunikasi pada masa kini disamping menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran serta mengukuhkan kerelevanan dan keresponsifan program bagi memastikan peratus program interaksi bersam a industri mencapai 40 jam.

**Lawatan Akademik ke Kolej Latihan Telekom, Kuala Lumpur dan SKDL, Melaka**

Tempat : Kolej Latihan Telekom, Kuala Lumpur dan Stesen Kabel Dasar Laut (SKDL), Melaka (17 hingga 20 September 2014)

Peserta : 3 orang pensyarah dan 34 orang pelajar semester 3 DEE3A , DEE3B, dan DEP5A

Objektif : Program ini telah membuka ruang kepada para pensyarah dan pelajar untuk mengikuti Kursus CA di Kolej Latihan Telekom, Kuala Lumpur. Pelajar turut didedahkan dengan perkembangan teknologi dalam penghantaran data terutama menggunakan kabel fiber optik di bawah tanah dan dasar laut.



**Program Pentauliahan Exco PPKE dan Penganugerahan Sijil Ketua Jabatan**

Tempat : Dewan Al Ghazali, PKB (19 Oktober 2014)

Peserta : 58 orang pelajar, 20 Penasihat Akademik dan Pensyarah JKE

Objektif : Memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar baru tentang organisasi Jabatan Kejuruteraan Elektrik serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelajar baru dengan pensyarah. Program ini juga menerangkan kepentingan sistem penasihatan akademik kepada pelajar dan juga disiplin yang harus diikuti oleh pelajar politeknik.

"I think if you do something
and it turns out pretty good,
then you should go
do something else wonderful,
not dwell on it for too long.
Just figure out what's next."

- Steve Jobs



# JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL




**Educational Innovation of Motorsports & Automotive Race (EIMARace 2014)**

Politeknik Kota Bharu telah menghantar 2 pasukan, TS250 dan SS131, dianggotai 12 pelajar Kejuruteraan Automotif bagi menyertai EIMARace 2014 yang bertempat di Litar Pulau Dato Sagor Perak. Pasukan Politeknik Kota Bharu yang diberi nama APONTEZ PKB SKULL GARAGE telah berjaya meraih **JUARA KESELURUHAN** bagi katogeri TS250 dan berada di kalangan 14 pasukan terbaik daripada 32 pasukan yang bertanding bagi katogeri SS131. Pertandingan ini dianjurkan oleh Malaysian Institute Japan Technology (MJIIT) dan Motorsport Association of Malaysia (MAM). Kategori pertandingan ini terbahagi kepada dua sesi iaitu sesi pembentangan analisa rekabentuk dan sesi perlumbaan sebenar. Sesi pembentangan diadakan pada 13-14 September di UTM International Campus dan diikuti pula sesi perlumbaan sebenar pada 17-19 Oktober 2014 di Litar Pulau Dato Sagor Perak. Ia merupakan pertandingan merekacipta dan membina sebuah kereta lumba yang berkonsepkan formula 1, berkuasakan enjin motosikal 4 lejang. Projek kereta lumba ini dihasilkan oleh pelajar tersebut dan dipantau oleh pengurus pasukan dan pensyarah-pensyarah yang terlibat dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Automotif. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan teknikal, menguji daya kreativiti dan kemahiran serta menjana idea-idea baru para pelajar dalam dunia teknologi motorsport khususnya dalam bidang kejuruteraan automotif. Implikasi dan impak daripada pertandingan ini akhirnya dapat diterjemahkan ke arah aspek pembangunan kejuruteraan automotif yang lebih baik dan bersesuaian dengan nama sebenar EIMARace iaitu Educational Innovation Of Motorsport & Automotif Race.

## Program Industry Centre of Excellence (ICoE) – Kluster Automotif 2014 (Catia V5)

Pada 03 Mei 2014, seramai 20 pelajar yang akan mengikuti kursus CATIA V5 telah mendaftarkan diri di Kamsis Politeknik Kota Bharu antara pukul 03.00 hingga 4.30 petang. Pada pukul 5.00 petang pelajar telah berkumpul di Dewan Al-Ghazali bagi sesi taklimat kursus. Pelajar diterangkan dengan peraturan asrama, perjalanan kursus dan sesi soal jawab. Pada 04 Mei 2014, pada pukul 08.00 pagi, program solat hajat diadakan di pusat aktiviti pelajar PKB bagi memohon keberkatan daripada Allah s.w.t, supaya program yang dilaksanakan akan berjalan dengan lancar. Seterusnya, majlis perasmian kursus di bawah program ICoE telah diadakan di dewan Al-Ghazali. Majlis dihadiri oleh Pengurusan tertinggi PKB, Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, staf JKM, penyelaras kursus, fasilitator kursus dan semua pelajar yang terlibat kursus di bawah program ICoE. Tuan Hj Noor Azahan iaitu pengarah PKB, telah menyempurnakan majlis perasmian tersebut. Seterusnya, para pelajar telah didedahkan dengan keselamatan di tempat kerja dan tatacara pengurusan workshop yang dikendalikan oleh oleh En Adenan Bin Che Weel selaku Pengarah Urusan Freewill Auto Sdn. Bhd. Antara 05 Mei sehingga 15 Mei 2014, pelajar difokuskan kepada kursus CATIA V5. Kursus CATIA V5 diadakan di makmal ACAD 02, Politeknik Kota Bharu dari 08.00 pagi hingga 04.30 petang yang dikendalikan oleh En Mohammad Firdaus Bin Mohammed Azmi. Dalam kursus CATIA V5, para pelajar telah didedahkan dengan CATIA user interface, 2D drawing sketcher (line and profile), 2D drawing (constrain and operation), 3D drawing (part design, shaft and groove), 3D drawing (shell and transformation feature), advance part design, advance assembly design, ma-chining (prismatic milling and lathe) dan berkaitan generative shape analysis. Pada 18 Mei 2014 pula, semua peserta kursus telah didedahkan dengan bengkel persediaan menghadapi temuduga dan proses menghasilkan resume mengikut kaedah yang betul yang dikendalikan oleh Dr Yusri dan Dr Nik Hishamuddin dari UTHM. Pada 19 Mei 2014, pelajar telah menghadiri temuduga terbuka yang diadakan oleh syarikat Sendok Group dan PD Kawamura Kako Manufacturing Sdn. Bhd.

## Program Industry Centre Of Excellence (ICoE) – Kluster Automotif 2014 Kursus Automotive Troubleshooting Technique & Methodology

Pada 8 November 2014, seramai 56 pelajar yang akan mengikuti Kursus Automotive Troubleshooting Technique & Methodology (ATTM) telah mendaftarkan diri di Kamsis Politeknik Kota Bharu antara pukul 10.30 pagi hingga 4.00 petang. Pada pukul 4.30 petang, para peserta telah berkumpul di Dewan Al-Ghazali bagi sesi taklimat kursus. Peserta diterangkan dengan peraturan asrama, perjalanan kursus dan sesi soal jawab. Pada 8 No-vember 2014, pada pukul 08.00 pagi, program solat hajat diadakan di pusat aktiviti pelajar PKB bagi memo-hon keberkatan daripada Allah s.w.t, supaya program yang dilaksanakan akan berjalan dengan lancar. Se-terusnya, majlis perasmian kursus di bawah program ICoE – Kluster Automotif telah diadakan di dewan Al-Ghazali. Majlis dihadiri oleh pengurusan tertinggi PKB, Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, staf JKM, penyelaras kursus, fasilitator kursus dan semua pelajar yang terlibat kursus di bawah program ICoE – Kluster Automotif. Tuan Hj Noor Azahan Bin Othman iaitu pengarah PKB, telah menyempurnakan majlis perasmian tersebut. Antara 9 November sehingga 13 November 2014, para peserta telah didedahkan dengan maintenance service, CAN-bus system serta teknik penggunaan scan tools. Pada 14 – 15 November 2014 pula, semua peserta kursus telah didedahkan dengan bengkel persediaan menghadapi temuduga dan proses menghasilkan resume mengikut kaedah yang betul. Pada hari terakhir kursus, para peserta telah menghadiri taklimat dan walk in interview yang diadakan oleh syarikat Shin Etsu Polymer (Malaysia) Sdn. Bhd, Freewill Auto Sdn. Bhd dan Institut Teknikal Tan Chong (TECH) yang telah diadakan di bilik taklimat di bengkel auto-motif, Politeknik Kota Bharu.







**Kejohanan Futsal AS101 DAD2 Jun 2014**
Fauziah Hamdan

Pada 29 September 2014, pelajar kelas DAD 2 Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Kota Bharu telah menganjurkan Kejohanan Futsal AS101 DAD 2 Jun 2014 sebagai memenuhi sebahagian dari kriteria penilaian AS101 Soft Skill. Kejohanan ini merupakan anjuran bersama di antara kelas DAD 2A dan DAD 2B yang meli-batkan seramai 47 orang pelajar. Di awal perancangan, para pelajar telah mencadangkan untuk menganjurkan program kolaborasi bersama agensi tempatan dengan tema menghargai alam sekitar, namun program ini hanya dapat dilaksanakan di peringkat kertas kerja sahaja. Namun satu aktiviti bertemakan ria-dah telah dirancang dan dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh kumpulan pelajar terbabit bertempat di Cahaya Planet Futsal, Kok Lanas. Kejohanan futsal ini membabitkan sebanyak 12 perlawanan dan melibatkan 8 kumpulan dari dua kelas terbabit. Juara keseluruhan kejohanan disandang oleh Full Throttle dari kelas DAD 2B manakala tempat kedua dimenangi oleh kumpulan Jula Motey dari kelas DAD 2A dimana penganjurannya bermula seawal jam 9 pagi dan berakhir 3 petang. Objektif utama penganjuran kejohanan futsal ini adalah bertujuan untuk mengamalkan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah selain memupuk semangat bekerjasa-ma dan mengeratkan silaturahim antara pelajar. Aktiviti ini diharap dapat memberi manfaat kepada setiap pelajar dalam kemahiran pengurusan penganjuran majlis selain meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar.

"Quality is much better than quantity. One home run is much better than two doubles."
- Steve Jobs



# JABATAN PERDAGANGAN



Jabatan Perdagangan merupakan sebuah jabatan akademik dan induk yang diterajui oleh En. Nasron Bin Omar dan dibantu oleh ketua-ketua program, staf akademik dan seorang pembantu tadbir. Kepakaran dan kelayakan staf akademik adalah dalam pelbagai bidang pengajian iaitu akauntansi, pemasaran, kewangan, ekonomi, pengurusan, pengurusan sumber manusia dan undang-undang. Jabatan Perdagangan menawarkan tiga program pengajian iaitu Diploma Akauntansi (DAT), Diploma Pemasaran (DPR) dan Diploma Pengajian Perniagaan (DPM).

**Visi**

" To produce technical assistants who are competent and able to apply, explore and lead in the application of innovative and creative thinking"

**Misi**

"To become a well-established department that leads in commerce aspirant"

**Kakitangan Jabatan Perdagangan**

Ketua Jabatan : Encik Nasron bin Omar

Ketua Program DAT : Puan Zulaida binti Mohamed

Ketua Program DPM : Puan Rosilah binti Wok

Ketua Program DPR : Puan Mazlina binti Mohamad

| Staf akademik / Program | DAT | DPM | DPR |
|---|---|---|---|
| Ketua Program | 1 | 1 | 1 |
| Pensyarah | 20 | 19 | 19 |
| **Jumlah** | **21** | **20** | **20** |

**Pelajar Jabatan Perdagangan**

| Program | Bilangan Pelajar | |
|---|---|---|
| | Sesi Disember 2013 | Sesi Jun 2014 |
| Diploma Akauntansi (DAT) | 690 Orang | 700 Orang |
| Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) | 499 Orang | 537 Orang |
| Diploma Pemasaran (DPR) | 218 Orang | 257 Orang |
| **Jumlah Pelajar** | **1,407 Orang** | **1,494 Orang** |

**Sijil Kemahiran Autocount Computerised Accounting Course**

Bertujuan memberi pendedahan dan kefahaman mengenai penggunaan software computerised accounting, yang menggunakan konsep Microsoft SQL Software. Kursus ini telah diadakan sebanyak dua kali iaitu kepada pensyarah akauntansi pada 21& 22 Januari 2014 dan kepada pensyarah Pengurusan pada 16 &17 Februari 2014. Semua peserta telah berjaya menamatkan kursus dan menyiapkan tugasan serta dianugerahi sijil kemahiran dari Syarikat Autocount Sdn.Bhd. Sijil yang diperolehi memberi nilai tambah kepada kompentensi pensyarah dalam bidang pengkhususan akademik masing-masing.

**Program Kebolehpasaran Pelajar Autocount Computerized Accounting Course - Diploma Akauntansi**

Program Kebolehpasaran Pelajar DAT 6 sesi Disember 2013 telah dilaksanakan pada 21 – 23 Mac 2014 di Makmal GCL 2, 3 dan 7. Seramai 123 orang pelajar menyertainya dan syabas kepada 122 orang pelajar telah lulus serta ditauliahkan Sijil Profesional.

AutoCount Computerized Accounting Course diadakan sekali lagi diadakan untuk pelajar Semester 6 Diploma Akauntansi sesi Jun 2014 pula, iaitu pada 10 -12 Oktober 2014. Seramai 54 orang pelajar telah berjaya melaksanakan tugasan, dan layak menerima sijil profesional berkenaan.

Program ini adalah bagi membekalkan pelajar dengan kemahiran teknikal iaitu kemahiran mengendalikan pelbagai perisian perakaunan berkomputer yang berada di pasaran sekarang. Sekaligus memberi nilai tambah kepada pelajar apabila memohon pekerjaan kelak.

**Program Kebolehpasaran Pelajar Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) & Diploma Pemasaran (DPR) : Autocount Computerized Accounting Course**

Aktiviti yang melibatkan 39 orang pelajar semester 6 dari Program DPM dan 19 orang pelajar dari program DPR telah dijayakan pada 20 hingga 22 Jun 2014 di Makmal GCL 3 dan GCL 7, Politeknik Kota Bharu. Bantuan penceramah dan fasilitator berpengalaman dari Syarikat NadiCom Technology berjaya menyampaikan ilmu pengaplikasian data perakaunan kepada peserta dan semua peserta layak menerima sijil profesional berkenaan. Sijil profesional yang diperolehi membuktikan pelajar telah menguasai kemahiran teknikal perisian perakaunan berkomputer seperti permintaan pasaran perniagaan semasa.

**Pengenalan GST & Implementasi Autocount GST**

Program anjuran bersama NadiCom Technology Centre dan Auto Count Sdn Bhd ini telah diadakan bagi memberi pendedahan dan kefahaman kepada peserta berkaitan GST. Program ini dikendalikan oleh penceramah yang berpengalaman selama 12 tahun dalam bidang perakaunan, audit dan GST, iaitu Pn Juriyana Binti Ismail. Selain itu, peserta juga didedahkan dengan penggunaan perisian Autocount GST oleh En. Nazzel Maznor Bin Tohar. Program ini didapati berupaya memberi informasi yang tepat berkaitan GST kepada para peserta . Para peserta yang terdiri daripada ahli perniagaan atau ahli komuniti luar yang terlibat dalam bidang pengurusan perakaunan mendapat pendedahan berkaitan perisian perakaunan berkomputer yang telah diubahsuai dengan memasukkan elemen GST untuk kemudahan penyediaan akaun-akaun syarikat setelah perlaksanaan GST pada 1 April 2015 nanti.

**Lawatan Penandarasan Ke CESMED (Pusat Pembangunan Keusahawanan EKS UKM (Worldwide Technocount Consulting Services)**

Pada 28 Mei 2014, beberapa orang pensyarah Jabatan Perdagangan yang terdiri daripada ketua program dan pensyarah kanan telah mengadakan Lawatan Penandarasan ke CESMED( Pusat Pembangunan Keusahawanan EKS UKM ) (Worldwide Technocount Consulting Services) bagi membincangkan cadangan kolaborasi dalam memperluaskan hubungan dua hala dan pertukaran kerjasama berkaitan kepakaran dan teknologi.

**Sesi Temuduga Technocount**

Pada 16 Julai 2014, satu sesi temuduga telah berlangsung di Politeknik Kota Bharu, untuk memilih pelajar semester akhir yang berminat untuk menyertai skim perantisan perundang perakaunan dengan Syarikat Worldwide Technocount Consulting services. Seramai 4 orang pelajar yang berjaya telah menjalani latihan dan menyediakan perkhidmatan perakaunan kepada industri kecil dan sederhana.

**Bengkel Computerized Accounting System : Entrepreneurship Technocount Programme (ETP) 2014**

Program ini telah diadakan pada 22- 23 Ogos 2014 bertempat di BP2 Politeknik Kota Bharu. Objektif pelaksanaan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar Diploma Akauntasi (DAT), Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) dan Diploma Pemasaran (DPR) semester 3 dan semester 5 terhadap aspek




Tesis
Penyelidikan
&Statistik
PROJEK
KONVENSYEN
PERAKAUNAN DAN USAHAWAN

keusahawanan dan aplikasi sistem perakaunan berkomputer QnE. Oleh itu, program ini telah berjaya menarik minat pelajar terhadap sistem perakaunan berkomputer yang diperkenalkan oleh "Technocount" yang amat mesra pengguna dan boleh dikuasai oleh semua pelajar samada pelajar perakaunan atau pelajar jurusan lain.

**Pertandingan Inovasi P&P Peringkat Politeknik Kota Bharu.**

2 Jun 2014, Jabatan Perdagangan dengan kerjasama Unit Penyelidikan & Inovasi PKB, telah berjaya mengadakan pertandingan Inovasi P&P peringkat Politeknik Kota Bharu. Pertandingan ini memberi impak yang besar kepada penghasilan inovasi p&p dalam kalangan pensyarah dan sekaligus dapat meningkatkan martabat profesionalisme pendidikan. Pertandingan ini telah memberi ruang kepada pensyarah untuk berkongsi bahan inovasi dengan pihak lain. Projek inovasi yang menjadi pilihan juri telah mendapat penghargaan iaitu kategori emas, perak dan gangsa.

**Bengkel Penulisan Tesis Cepat Siap**

18 Oktober 2014, telah berlangsung Bengkel Penulisan Tesis Cepat Siap di GCL 1 PKB. Bengkel ini telah disampaikan oleh penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang penyelidikan dan penulisan tesis secara pantas iaitu Dr. Othman Talib @ Dr. OT. Beliau merupakan pensyarah kanan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM.

Bengkel ini diadakan bagi memberi fokus kepada para peserta yang terdiri daripada calon Master dan Phd, penyelia serta individu yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan dan penulisan tesis berkaitan persediaan bagi memulakan penulisan tesis. Dr. OT telah memperkenalkan Z-draft, KOT, RFOT, SROT, Mendeley, Literature Review Kritis, Document Map, Nav Pane dan Dropbox dalam membantu memudahkan penghasilan penyelidikan dalam masa yang singkat.

Seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah PKB dan peserta dari luar iaitu pensyarah KIAS, UM, OUM, PTPL , UMK dan UITM. Keseluruhannya peserta berpuashati dan telah berjaya memberikan idea dan menyuntik motivasi yang tinggi untuk melakukan atau menyiapkan penyelidikan juga membantu pelajar menyiapkan penyelidikan mereka. Bengkel ini juga secara tidak langsung dapat membudayakan dan mempertingkatkan kualiti penyelidikan dan penulisan dalam kalangan warga pendidik.

**Lawatan Akademik**

**Diploma Akauntansi**

| Tempat Lawatan | Tarikh Lawatan | Objektif Lawatan |
|---|---|---|
| Site Investigation : Amanah Ikhtiar Malaysia Cawangan Pasir Puteh | 19 Februari | memberi pendedahan kepada pelajar tentang peranan–peranan AIM, Bank Negara, LHDN, dan MIA dalam sistem kewangan di malaysia |
| Interaksi Industri di Bank Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Malaysian Institute of Accountant (MIA) | 3 - 6 September | mendedahkan pelajar tentang kerjaya yang boleh diceburi dalam bidang berkaitan pada masa hadapan |
| Lawatan Penandarasan Ke CESMED (Worldwide Technocount Consulting Services) | 28 Mei | mencungkil bakat kepimpinan, skil komunikasi, skil sosial, profesionalisme dan nilai–nilai etika dalam diri pelajar |

**Diploma Pemasaran**

| Tempat Lawatan | Tarikh Lawatan | Objektif Lawatan |
|---|---|---|
| Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd | 4 Mac | memberi pendedahan secara terperinci kepada pelajar tentang tempat lawatan<br>mencungkil bakat kepimpinan , skil komunikasi , skil sosial , profesionalisme dan nilai – nilai etika dalam diri pelajar |

**Diploma Pengajian Perniagaan**

| Tempat Lawatan | Tarikh Lawatan | Objektif Lawatan |
|---|---|---|
| Kilang Sepatu Timur Sdn Bhd | 9 Januari | Memberi pendedahan secara terperinci kepada pelajar tentang proses pembuatan di tempat–tempat lawatan |
| Kilang Z & Z Niaga Sdn Bhd | 15 Januari | |
| Kilang Zaicorpindustries Sdn Bhd | 15 Januari | |
| Kilang My Sutera Sdn Bhd | 16 Januari | Memberi peluang kepada para pelajar tentang tempat–tempat yang menyediakan peluang pekerjaan pada masa hadapan |
| Kilang AK Dynamic Sdn Bhd | 15 Januari | |
| Kilang Biolive Health Care Sdn Bhd | 22 Januari | Meningkatkan skil kemahiran, skil komunikasi, skil sosial dan seterusnya dapat mencungkil bakat kepimpinan pelajar dalam menguruskan sesuatu lawatan |
| Kilang Kelantan Spice Industry | 22 Januari | |
| Kilang Nordin Batik & Craft Sdn Bhd | 18 Jan & 15 Feb | |
| Pulau Pinang | 26 Feb - 1 Mac | Melahirkan nilai–nilai profesionalisme, etika dan moral dalam diri para pelajar |
| Pahang | 7 Mac | |

"Sometimes when you innovate, you make mistakes. It is best to admit them quickly, and get on with improving your other innovations."

- Steve Jobs



## Seminar dan Bengkel

### Diploma Akauntansi

| Seminar / Bengkel | Tarikh | Objektif |
|---|---|---|
| Seminar Perakaunan Kewangan (Pelaporan Koperasi) | 27 Jan | Meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar dalam bidang pelaporan perakaunan kewangan dan pengauditan |
| Seminar Pengauditan (Jabatan Audit Negara) | 4 Mac | Menambahkan kemahiran pelajar terhadap sistem perakaunan berkomputer Autocount sekaligus membantu kebolehpasaran pelajar |
| Bengkel Autocount Computerized Accounting Course | 21 - 23 Mac | Membolehkan pelajar mendapat maklumat serta perkembangan terkini tentang pelaporan kewangan , pengauditan dan kebolehpasaran di Malaysia |
| Procedure & Process In Auditing | 1 Sep | |
| Seminar Kebolehpasaran: Autocount Computerized Accounting | 10 - 12 Okt | |

### Diploma Pemasaran

| Seminar / Bengkel | Tarikh | Objektif |
|---|---|---|
| Seminar Inspirasi Pelajar Kenali Potensi Super Student ke arah Memaksimakan Kejayaan Hidup | 15 Januari | Memberi inspirasi kepada pelajar bagi mengenali potensi diri bagi memaksimakan kejayaan diri mereka |
| Seminar Kebolehpasaran Graduan : 1Day Workshop , Walk In Interview Session | 11 Mac | Membantu meningkatkan kebolehpasaran pelajar pada masa hadapan |
| Seminar Bioteknologi Sempena Carnival Bio – Kelantan 2014 : Persidangan & Pameran | 19 - 21 Jun | Meningkatkan skil kemahiran , skil komunikasi , skil sosial dan seterusnya dapat mencungkil bakat kepimpinan pelajar dalam menguruskan seminar / bengkel |

### Diploma Pengajian Perniagaan

| Seminar / Bengkel | Tarikh | Objektif |
|---|---|---|
| Seminar Kesedaran Insurans Bersama Perkeso | 6 Mac | Meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar dalam bidang insurans dan pelaburan |
| Seminar Pelaburan 360 Hari 1 Malaysia (Asnb) | 23 Mac | Meningkatkan skil kemahiran , skil komunikasi , skil sosial dan seterusnya dapat mencungkil bakat kepimpinan pelajar dalam menguruskan seminar / bengkel |
| Seminar Pelaburan | 4 Sept | |

## Aktiviti-aktiviti Lain

| Aktiviti | Tarikh | Objektif |
|---|---|---|
| Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan | 27 Januari | Meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar dalam pelbagai bidang ilmu |
| Program Outreach British Council | 28 Januari | Meningkatkan skil kemahiran, skil komunikasi, skil sosial dan seterusnya dapat mencungkil bakat kepimpinan pelajar dalam menguruskan seminar/bengkel/ aktiviti |
| Kongres Usahawan Muda Bumiputera | 17 Januari | |
| Teras 4 KPI JP : Khidmat Gotong Royong Membersih Masjid Al Taqwa & Tanah Perkuburan | 8 Mac | |
| Gerai Keusahawanan Sempena Majlis Konvokesyen ke 27 | 10 – 13 Mac | Melahirkan nilai–nilai profesionalisme, etika dan moral dalam diri para pelajar |
| Anugerah Ketua Jabatan | 19 Mac | |
| Kursus Induksi Oil & Gas , Bahasa Inggeris & Softskills (Jpp- Utmspace) | 26 – 28 Mac | |
| Seminar Kebolehpasaran (Worldwide Technocount Consulting Services) | 22 Jun | |
| Program Pembudayaan Keusahawanan Pelajar Baru PKB Sesi Jun 2014 | 30 Jun | |
| Program Pembudayaan Keusahawanan Pelajar Senior PKB Sesi Jun 2014 | 1 Julai | |
| Seminar GST | 7 Julai | |
| Seminar Cek ? Tahukah Anda | 11 Ogos | |
| Kursus Keusahawanan Telekomunikasi & Taklimat Sem Akhir | 11 Ogos | |
| Pertandingan Fotografi Suatu Pengorbanan | 11 – 24 Sept | |
| Innotex 2014 | 30 Sept – 2 Okt | |

"Design is not
just what it looks like and feels like.
Design is how it works."

- Steve Jobs



# JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER




Misi Jabatan Matematik, Sains & Komputer adalah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Matematik, Sains dan Komputer dengan sistematik, realistik dan efektif bagi melahirkan pelajar yang kompeten dan berdaya saing dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan. Jabatan Matematik, Sains & Komputer bertekad untuk menjadi pusat perkembangan bagi ilmu matematik, sains & komputer bagi merealisasikan politeknik sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan pada tahun 2015.



**Program Xplorace in Space BC101**

2 Februari 2014 - Aktiviti penjelajahan dalam bidang teknologi komputer yang semakin canggih mengikut peredaran masa yang menekankan pengenalan asas bidang teknologi komputer supaya pelajar seiring dengan perkembangan teknologi di hujung jari pada era ini. Peserta program ini adalah terdiri daripada pelajar semester 1 yang mengambil Kursus BC101 – Computer Application.

**Road to Success in BA301**

Pertambahan bilangan pelajar mengulang kursus Engineering Mathematics 3 – BA 301 pada sesi Jun 2013 memberikan satu senario yang membimbangkan kerana ini menunjukkan kegagalan pelajar memahami dan menguasai matematik. Program Road to Success in BA 301 dilaksanakan pada 31 Mac 2014 untuk menyuntik semangat kepada 42 orang pelajar kepada pelajar mengulang kursus dan lemah dalam kursus Matematik. Pendekatan yang digunakan dalam program ini adalah fasilatator menerangkan teknik penggunaan kalkulator dengan betul dan lebih cepat serta dapat membuat penyelesaian matematik yang lebih kompleks. Program ini berjaya menarik minat dan fokus pelajar untuk mempraktik teknik menggunakan kalkulator melalui sesi latih tubi yang dijalankan.

**Explorace Science 2Together with Science**

Bersesuaian dengan objektif program yang mensasarkan penjelajahan ilmu sains, ia telah dilaksanakan pada 1 April 2014 secara santai bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan aplikasi Sains di kalangan pelajar Politeknik Kota Bharu. Science-Explorace mensasarkan penyertaan pelajar yang cemerlang dari setiap kelas. Seramai 24 pelajar yang mewakili kelas masing-masing dibahagikan kepada enam kumpulan yang melaksanakan enam tugasan di enam buah stesen (check point) di beberapa kawasan dalam Politeknik Kota Bharu. Program ini telah berjaya memupuk semangat inkuiri dan meningkatkan pengetahuan terhadap perkembangan sains melalui soalan-soalan yang disediakan di setiap check point.

**I'm in Positive Zone!**

17 Julai 2014- Program I'm in Positive Zone! merupakan satu program motivasi JMSK yang dilaksanakan bagi meningkatkan motivasi diri pelajar yang lemah terutamanya kursus Matematik Kejuruteraan kepada pelajar yang lebih berpotensi untuk cemerlang. Program ini bersifat serampang dua mata dengan menjurus kepada motivasi diri peserta supaya lebih cemerlang dan bersikap positif melalui terapi sesi motivasi oleh pencetus inspirasi JMSK dan sesi latihan matematik dari peringkat awal. Dengan pelaksanaan program ini, ia diharap dapat meminimakan bilangan pelajar mengulang kursus untuk Matematik Kejuruteraan 2 – (BA201) dan Matematik Kejuruteraan 4 – (BA501).

**CSR: Gotong Royong Bersih Kubur Kg. Hutan Buluh Melor**

Program ini merupakan gabungan antara dua organisasi iaitu pengerak masyarakat setempat dan agensi kerajaan yang terlibat termasuk Politeknik Kota Bharu (PKB). Ia telah diadakan dengan jayanya pada 22 Ogos 2014. Tujuan program adalah untuk menyatupadukan dua organisasi dalam melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan. Program ini merupakan satu platform bagi menyalurkan informasi terkini mengenai keceriaan dan kebersihan persekitaran surau dan kubur yang diusahakan oleh pihak JKKKP bersama agensi-agensi terbabit kepada pelajar dan komuniti setempat yang menjadi pemangkin kepada amalan gaya hidup sihat. Melalui program ini, para pelajar dan masyarakat setempat akan didedahkan mengenai kepentingan hidup di dalam persekitaran yang bersih dan ceria, amalan gaya hidup sihat dan juga tentang aspek keselamatan.

**CSR: Kejohanan Sepaktakraw Merdekarama**

30 Ogos 2014- Program berbentuk sukan ini dilaksanakan sebagai wadah mendekatkan Politeknik Kota Bharu dengan masyarakat sekaligus sebagai usaha pendedahan kepada urusetia untuk meraih pengalaman berinteraksi dengan masyarakat. Program ini juga menjurus kepada khidmat komuniti dari aspek pendedahkan kepada masyarakat mengenai kepentingan aktiviti sihat seperti bersukan. Selain itu, program ini telah berjaya

menyuntik semangat kepada masyarakat untuk terus menjalani hidup yan lebih sihat melalui aktiviti bersukan dan riadah.

### Program Inspire Math

Program Inspire Math (Ways to inspire love of math) telah dijalankan selama dua hari bermula 15 hingga 16 Oktober 2014. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan penguasaan matematik di kalangan pelajar lemah berlandaskan pendapat Profesor Dr. Muhaya iaitu "Sesuatu ilmu jika kita dengar, catat dan terangkan pada orang lain barulah 100 peratus difahami dan dikuasai". Melalui program ini, pelajar yang dipilih telah dilatih oleh fasilitator untuk memahami dan menguasai ilmu Matematik Kejuruteraan. Program ini turut dibantu oleh Rakan Mesra Matematik yang terdiri daripada pelajar yang cemerlang dalam penguasaan matematik iaitu kursus DBM 1013 – Engineering Mathematics 1, BA 201 – Engineering Mathematics 2 dan BA 501 – Engineering Mathematics 5 untuk membantu rakan-rakan yang agak lemah menguasai ilmu matematik.

### Program Peningkatan Kemahiran & Keusahawan Penyediaan Maruku Meletop (reskilling & upskilling)

Kursus penyediaan pastri merupakan salah satu kursus peningkatan kemahiran yang dianjurkan oleh Jabatan Matematik Sains dan Komputer (JMSK). Kursus ini dilaksanakan pada 20 November 2014 dengan gabungan aktiviti dalam Program Keusahawanan JMSK. Matlamat program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah menyediakan "Maruku Meletop" yang menjadi kegemaran ramai. Selain itu, peserta juga telah di dedahkan kepada kaedah pemasaran "Maruku Meletop" melalui media elektronik yang menjadi trend terkini.

### Excellent In Math 1

Kursus DBM-1013 Engineering Mathematics 1 merupakan kurikulum baru bagi pelajar semester 1 di Politeknik Kota Bharu (PKB). Sehubungan itu, Jabatan Matematik, Sains Dan Komputer PKB telah mengambil inisiatif mengadakan program Excelllent In Maths 1 bertujuan untuk membantu meningkatkan prestasi pencapaian matematik pelajar semester 1 yang terpilih mengikuti program ini. Peserta yang mengikuti program berkonsepkan latih tubi ini telah dibimbing oleh fasilitator dengan menjawab contoh-contoh soalan sebagai persediaan menghadapi peperiksaan akhir. Pemilihan peserta adalah terdiri daripada pelajar yang lemah dan sederhana dalam kursus DBM 1013 – Engineering Mathematics 1.
























# JABATAN PENGAJIAN AM



Jabatan Pengajian Am (JPA) adalah jabatan akademik sokongan yang bertanggungjawab membantu jabatan akademik induk dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. JPA mempunyai misi yang penting bagi menyediakan pendidikan secara formal dan tidak formal bagi kursus Pengajian Malaysia, Sains Teknologi dan Kejuruteraan, Pengurusan Dalam Islam, Nilai Masyarakat Malaysia, Tamadun Islam dan juga Bahasa Inggeris. Jabatan ini terbahagi kepada dua unit iaitu Unit Pendidikan Islam dan Moral serta Unit Bahasa Inggeris. Jabatan yang mempunyai misi yang penting ini disasar untuk melahirkan warga Politeknik Kota Bharu serta bakal tenaga kerja separa profesional yang berkeperibadian mulia dengan penerapan nilai-nilai Islam dan moral melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara formal dan non formal. Ia juga bakal merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara dalam mencapai wawasan yang diidamkan. Bagi aplikasi globalisasi, para pelajar didedahkan kepada penggunaan Bahasa Inggeris yang bakal melariskan mereka di pasaran kerja kelak. Ia bakal menaikkan imej Politeknik Kota Bharu dan para graduasi ke peringkat yang lebih baik.



**Objektif**

- Melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berketerampilan dan berakhlak mulia serta berkebolehan menggunakan Bahasa Inggeris secara praktikal.
- Memberi pendedahan agama dan moral serta melahirkan tenaga kerja yang berkebolehan, jujur, amanah serta bersahsiah mulia dan berperibadi professional.
- Meningkatkan kompetensi berkomunikasi pelajar-pelajar dalam Bahasa Inggeris Teknikal dan Perdagangan dalam memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Kursus-kursus yang Ditawarkan**

- Pengajian Malaysia
- Sains Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam
- Pengurusan Dalam Islam
- Nilai dan Masyarakat Malaysia
- Tamadun Islam
- English For Technical Purposes
- English For Commercial Purposes

**Program Pembimbing Insani**, satu program anjuran Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, telah diadakan pada 19 Februari 2014 bertempat di Dataran Gemilang. Sebanyak 5 acara yang dipertandingkan antaranya USTAZ USTAZAH PILIHAN, MENCARI BILAL BIN RABAH, TILAWAH AL-QURAN, SENI KALIGRAFI KHAT dan NASYID.

Keputusan penuh acara:

| Acara | Bilangan Peserta | Keputusan | |
|---|---|---|---|
| Ustaz Ustazah Pilihan | 10 Peserta | **Kategori Lelaki** | |
| | | Johan | : Ahmad Syafik B Mohd Fazil |
| | | Naib Johan | : Muhd Azrul B Zulkifli |
| | | Tempat Ke 3 | : Muhd Fakhrullah B Mohd Rafee |
| | | **Kategori Perempuan** | |
| | | Johan | : Nurul Fatihah Bt Ramli |
| | | Naib Johan | : Nursalsadila Bt Mamat |
| | | Tempat Ke 3 | : Norhamimah Bt Salim |
| Mencari Bilal Bin Rabah | 14 Peserta | Johan | : Ku Adam B Ku Azhar |
| | | Naib Johan | : Mohd Zulhafiz Bin Mohd Zain |
| | | Tempat Ke 3 | : Muhd Ghazi Sa'adin Bin Hamzah |
| Tilawah Al-Quran | 7 Peserta | Johan | : Mohd Zulhafiz Bin Mohd Zain |
| | | Naib Johan | : Afeq Ramzan Bin Zulkifli |
| | | Tempat Ke 3 | : Muhd Ghazi Sa'adin Bin Hamzah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Seni Kaligrafi Khat | 13 Peserta | Johan | : Mohd Jamil Bin Mohd Fuzi |
| | | Naib Johan | : Mohd Azim Bin Ramli |
| | | Tempat Ke 3 | : Luqman Al Hakim Bin Mohamed |
| Nasyid | 4 Kumpulan | Johan | : Kumpulan Ikram Voice |
| | | Naib Johan | : Kumpulan Wasatiah |
| | | Tempat Ke 3 | : Kumpulan Soutul Shabab |

**"Boost Your English-Language Exploration",** satu program anjuran Unit Bahasa Inggeris, dengan kerjasama Unit Psikologi dan Kerjaya telah berlangsung pada 21 Januari 2014. Seramai 60 orang pelajar Semester 1 telah mengambil bahagian di dalam acara yang dipertandingkan. Melalui program ini, pelajar dapat mempraktikkan kemahiran-kemahiran sedia ada selain dapat mempelajari kemahiran-kemahiran baru melalui kerjasama berkumpulan.

**Program Smart Solat,** anjuran Unit Pendidikan Islam dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Negeri Kelantan telah diadakan pada 20 & 21 Mei 2014. Seramai 60 orang staf Politeknik Kota Bharu telah mengambil bahagian. Kursus ini bertujuan untuk mempertingkatkan kefahaman peserta tentang fadhilat solat dan mempelajari cara solat yang sempurna dalam situasi yang berbeza.

**Kursus Pengurusan Islam,** telah diadakan pada 5 & 6 Mac 2014 bertempat di Unit Latihan Pendidikan Lanjutan. Kursus anjuran Unit Pendidikan Islam ini bertujuan untuk menjana ilmu staf di dalam proses pengajaran dan pembelajaran disamping mengaplikasikan konsep pengurusan berhemah di dalam organisasi dan aktiviti kehidupan harian. Kursus ini dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Dr. Haji Abdullah Sudin bin Ab Rahman daripada Kolej Teknologi Darul Naim.

**Kursus Pra Perkahwinan Islam,** telah dilaksanakan oleh Unit Pendidikan Islam dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan iaitu pada 21-22 Mac 2014 dan pada 5-6 September 2014 bertempat di Dewan al-Ghazali. Kursus 2 hari ini adalah bermatlamatkan untuk membentu pelajar memahami persoalan berkaitan ilmu kekeluargaan di samping memberi kesedaran tentang tanggungjawab setiap individu dalam sebuah keluarga. Kursus ini dibuka penyertaan kepada pelajar Semester 5 dan semester 6. Seramai 150 pelajar telah mendaftarkan diri bagi mengikuti kursus ini pada setiap sesi.










# JABATAN HAL EHWAL PELAJAR









Jabatan Hal Ehwal Hal Pelajar (JHEP) merupakan salah satu unit di Politeknik Kota Bharu (PKB) yang memberi perkhidmatan secara langsung kepada pelajar. JHEP juga mengurus pendaftaran pelajar baru, lapor diri pelajar senior, kebajikan pelajar, insuran pelajar, biasiswa dan pinjaman pelajaran, disiplin, serta kegiatan persatuan pelajar. Selain dari itu, JHEP juga merupakan sumber data pelajar kepada Jabatan Akademik dan Unit lain di PKB, Bahagian Biasiswa KPTM, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Jabatan Pengajian Politeknik. JHEP juga bersedia membantu bakal pelajar dan ibubapa serta guru kerjaya sekolah yang ingin mendapatkan maklumat mengenai syarat kemasukan, kursus yang ditawarkan, tempoh pengajian, yuran pengajian dan bayaran pendaftaran, kemudahan penginapan, dan bantuan kewangan yang boleh dipohon oleh bakal pelajar. Politeknik Kota Bharu menawarkan sebanyak 12 kursus peringkat diploma & 1 kursus peringkat Pra Diploma bermula sesi Disember 2014.

**Misi**

Menyedia perkhidmatan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan pelajar dan kakitangan PKB serta pihak penaja

**Visi**

Menjadi pusat penggunaan pelajar yang cemerlang Serta berazam menyediakan perkhidmatan yang cukup Berkait dengan pendaftaran, pembiayaan pelajaran, Displin, kebajikan dan kegiatan pelajar selari dengan perkembangan masa kini

**Aktiviti**

**Mini Karnival Sukan PKB 2014**

Pada tarikh 4 September 2014, Khamis program PKB Sports Festival telah dirasmikan oleh Encik Shaiful Azhar bin Jaafar bertempat di Dewan Jubli Perak. Program ini merupakan anjuran Majlis Perwakilan Pelajar PKB 2014. Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat kesukanan dan disiplin dalam diri mahasiswa-mahasiswa PKB. Acara yang dipertandingkan pada kali ini ialah acara beregu lelaki badminton, badminton perseorangan lelaki terbuka, badminton perseorangan wanita, tenis perseorangan lelaki, dan bola keranjang.

**Sukarelawan Politeknik Bantu Mangsa Banjir**

Sukarelawan Yayasan Politeknik Malaysia (Yes Politeknik) dan 1Malaysia For Youth Politeknik Kota Bharu (1M4U PKB) bergabung tenaga bersama melalui program Membantu Mangsa Banjir Manek Urai yang berada di pusat pemindahan di SMK Manek Urai, Kuala Krai, Kelantan pada 13 Disember 2013. Program ini yang diselaras oleh En. Mohd Shaiful Azhar mewakili Politeknik Kota Bharu dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, telah melaksanakan program untuk membantu penduduk yang terjejas banjir. Antara aktiviti yang diadakan bersama sukarelawan 1M4U PKB ialah mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan sekitar pusat pemindahan berkenaan demi menjaga kesihatan mangsa-mangsa banjir.

**PKB Sports Festival 2014**

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Persatuan Pelajar dan Kelab-kelab telah menganjurkan PKB Sport Festival yang diadakan selama sebulan bermula 1 Januari hingga 31 Januari 2014. Setiap Persatuan Pelajar dan Kelab-Kelab dibahagikan mengikut kategori sukan yang telah ditetapkan untuk dikendalikan sepanjang program tersebut berlangsung. Sebagai contoh, Persatuan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal(PPKM) ditugaskan untuk mengendalikan pertandingan futsal manakala Kelab Kediaman Siswa-Siswi Politeknik (KAMSIS) mengendalikan pertandingan bolasepak 9 sebelah. Sepanjang program diadakan, kita turut menjemput Politeknik Jeli Kelantan(PJK) untuk turut serta memeriahkan acara pertandingan, antara pertandingan yang disertai ialah bolasepak 9 sebelah dan futsal.

Majlis perasmian penutup PKB Sport Festival telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Ketereh, Tan Sri Dato Panglima Hj Annuar Bin Hj Musa pada majlis yang diadakan di Dewan Jubli Perak (DJP) di PKB.

**Majlis Sambutan Maulidur Rasul – 1435H/2014M**

Sempena memperingati sirah-sirah Nabi junjungan mulia, pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Kota Bharu telah menganjurkan suatu sambutan Maulidur Rasul pada 13 Januari 2014 (Isnin), bersamaan dengan 1435/2014M. Sambutan yang diisi dengan ceramah yang bertemakan "WASATIYYAH TONGGAK KESATUAN UMMAH" telah disampaikan dengan jayanya oleh Ust.Safuan Bin Mohd Yusoff. Program ini bergerak melalui kerjasama baik dari pelajar Kelab Kamsis dan Keris. Ceramah ini diadakan bertujuan mendidik pelajar-pelajar agar sentiasa memperingati jasa dan perjuangan Nabi.. Sambutan yang diberikan oleh para pelajar tidak kurang hebatnya apabila ruangan di dalam masjid dipenuhi oleh pelajar sahaja. Kerjasama baik yang diberikan oleh para pelajar telah membolehkan program ini berjalan dengan jayanya.

**Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar & Exco Persatuan/Kelab 2014**

Majlis watikah perlantikan yang diadakan pada 1 Mac 2014 bertempat di Dewan Al-Ghazali bagi memberi penghargaan kepada pelajar yang bergiat aktif dalam politeknik dan yang berjaya mengharumkan lagi nama politeknik.Majlis ini turut memberi watikah perlantikan kepada setiap ahli Majlis Perwakilan Pelajar dan Pengerusi serta Penolong pengerusi bagi setiap kelab dan persatuan yang ada di politeknik bagi memberi pengikhtirafan.

**Student Leader Management Group Training Politeknik Malaysia (Poli Smart 2014)**

Program POLI SMART 2014 adalah program yang dianjurkan oleh Bahagian Kebajikan Pelajar, Jabatan Pengajian Politeknik dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Kota Bharu (MPPPKB). Program tahunan ini, telah berlangsung pada 7-10 Mac 2014 disertai 32 orang YDP MPP politeknik seluruh Malaysia. Di mana politeknik kota bharu (PKB) diberi tanggungjawab sebagai tuan rumah. Program ini bertujuan membentuk Ahli Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK) Politeknik disamping memperkasa pengetahuan menjadi seorang pemimpin bagi sesebuah organisasi. Antara pengisian program ini adalah motivasi diri, dialog & diskusi, serta banyak lagi. Selain itu, program ini juga merangka gerak kerja MPPK Politeknik Malaysia sepanjang tahun 2014. Turut bersama dalam program ini Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia, Datuk Hj. Mohlis Bin Jaafar, Pengarah Bahagian Kebajikan, En.Wan Zulkifly Bin Wan Zakaria. En.Nazamuddin Bin Ahmad Razali, Penolong Pengarah Kanan dan En.Samsul Nizam Bin Abd Rahim, Penolong Pengarah. Program selama 4 hari ini telah dilaksanakan dengan begitu jayanya dengan kerjasama dari pelbagai pihak samada secara langsung serta tidak langsung

**Karnival Keusahawanan Sempena Konvokesyen**

Karnival keusahawanan Majlis Perwakilan Pelajar diadakan pada 10-13 Mac 2014 yang lalu sempena majlis konvokesyen Politeknik Kota Bharu. Bertempat di depan Dewan Jubli Perak. Pelbagai jualan dijual di sini , antaranya ialah baju politeknik kota bharu dan umum , barang cenderahati , jersi dan sebagainya.

Semua anggota Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik terlibat menguruskan gerai bagi menjayakan karnival keusahawanan ini. Karnival keusahawanan ini juga bertujuan untuk melatih pelajar dalam dunia perniagaan sebelum melangkah keluar IPT. Kehadiran pembeli dan sambutan pembeli amat memuaskan.

**Majlis Solat Hajat**

Pada 8 Mac lalu, negara telah digemparkan dengan berita kehilangan pesawat MAS jenis boeing 777-200,MH370. Pesawat yang membawa 239 orang penumpang telah hilang dari radatanpa dapat dikesan. Bagi mendoakan keselamatan dan kesejahteraan penumpang-penumpang dalam pesawat tersebut, Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Kota Bharu telah menganjurkan suatu majlis solat hajat perdana pada hari Isnin,10 Mac 2014 bertempat di Pusat Kegiatan Pelajar. Solat hajat tersebut telah diimamkan oleh Encik Nik Abdul Aziz iaitu timbalan ketua program Kejuruteraan Awam. Solat hajat ini telah dihadiri oleh para pelajar, pensyarah-pensyarah Politeknik Kota Bharu dan juga tetamu khas iaitu barisan ahli Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Kebangsaan (MPPPK).

**Program Luhur Berbakti Cekal Diuji**

Program luhur berbakti cekal diuji yang diadakan pada 01 hingga 03 mei 2014 bertempat di Sungai Serai, Jerteh, Terengganu. Program ini adalah anjuran Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Kebangsaan Malaysia bersama Politeknik Kota Bharu, alumni Politeknik Kota Bharu dan skuad 4x4 RTM Kelantan. Program luhur berbakti cekal diuji ini telah dirasmikan oleh Datuk Hj Alwi Bin Che Ahmad, ADUN kok lanas bertempat di Politeknik Kota Bharu yang disertai oleh 80 orang termasuk peserta, urus setia, alumni dan skuad 4x4 RTM Kelantan. Program ini bertujuan untuk mendekatkan peserta dengan keindahan alam sekitar dan menguji ketahanan mental dan fizikal para peserta. Antara aktiviti yang dilakukan semasa program berlangsung adalah ikhtiar hidup, jejak rimba dan cara pengendalian 4x4.Aktiviti ini dapat menarik minat para peserta melakukan aktiviti yang lasak dengan menggunakan pacuan empat roda.



### Jelajah Ramadan RTM

Program jelajah Ramadan adalah kerjasama diantara Politeknik Kota Bharu dan Radio Televisyen Malaysia(RTM). Program yang berlangsung pada 14 Julai 2014 bertempat di kolej kediaman (kamsis) Politeknik Kota Bharu. Seramai 300 orang tetamu yang hadir terdiri daripada pelajar politeknik yang telah dipilih pihak pengurusan kamsis dan krew-krew RTM. Antara pengisian program ialah ceramah, gimik penyerahan karpet, gotong-royong kawasan sekitar serta agihan duit raya. Majlis turut dihadiri Tn.. Hj..Zulkipli Salleh, Pengarah Penyiaran Negeri Kelantan dan beberapa orang VIP daripada Jabatan Agama Negeri Kelantan, pengasas kecantikan vida Beauty.

### Perasmian Kiosk Majlis Perwakilan Pelajar

Bertepatan dengan hari pertama kemasukan pelajar semester satu sesi 2014, iaitu 15 Jun 2014 telah diadakan satu majlis yang meriah dan bermakna bagi Majlis Perwakilan Pelajar PKB. Majlis tersebut merupakan majlis perasmian kiosk keusahawan (M3P) Majlis Perwakilan Pelajar PKB 2014. bertempat di Dewan Jubli Perak Politeknik Kota Bharu dan disaksikan oleh 1370 orang pelajar baru semester satu sesi Jun 2014. Majlis dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohlis Bin Jaafar, Ketua Pengarah Politeknik Malaysia, baru-baru ini.

"Your work is going to fill a large part of your life,
and the only way to be truly satisfied is
to do what you believe is great work.
And the only way to do great work is
to love what you do.
If you haven't found it yet, keep looking.
Don't settle. As with all matters of the heart,
you'll know when you find it."

- Steve Jobs



# UNIT KOKURIKULUM



Unit Kokurikulum Politeknik Kota Bharu (PKB) merupakan antara unit-unit yang bergiat aktif dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di dalam dan luar PKB. Unit Kokurikulum berperanan dalam menguruskan kokurikulum pelajar dengan terancang dan sistematik selaras dengan Jadual Penyelarasan FRP dengan mensasarkan lebih ramai pelajar yang cemerlang dalam kokurikulum di semua peringkat. Selain itu, objektif unit kokurikulum adalah memastikan kehadiran pelajar dalam aktiviti kokurikulum melebihi 90 peratus, dan memastikan lebih daripada 95 peratus pelajar lulus dalam penilaian aktiviti kokurikulum. Unit kokurikulum melangkah lebih jauh dengan mengadakan program pengantarabangsaan dari segi khidmat komuniti dan kepakaran serta kajian bagi memperkasakan nilai tambah dalam diri pelajar.

### Emergency Rescue Training for Emergency Rescue Team (ERT 4 ERT) Series 1

Kursus ERT 4 ERT Series 1 anjuran Unit Kokurikulum PKB telah berlangsung dengan jayanya selama 3 hari bermula 6 hingga 8 Mac 2014. Program ini telah melibatkan 40 orang pelajar semester satu Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Perdagangan, PKB bersama dengan pihak Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Kubor, Kelantan. Program ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang konsep asas kebakaran, mempraktikkan cara-cara pencegahan kebakaran, tatacara pengungsian bangunan dan kawasan kebakaran dan latihan kebakaran sekaligus dapat meningkatkan keselamatan diri di bengkel, makmal dan bilik kuliah. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Latihan Kawad Kaki, Kerohanian, Operasi Burung Hantu (OBH), Simulasi Sewer, Underground Hole Training, River crossing (Water confidence), Ceramah Motivasi dan LDK, BATG, Tatacara Pengungsian Bangunan, dan Fire Drill. Selain itu, program ini telah berjaya mengukuhkan jati diri peserta ke arah transformasi diri yang lebih cemerlang.

### Pertandingan Wau Bercahaya Antarabangsa 2014

Pertandingan Wau Bercahaya Antarabangsa 2014 yang berlangsung di Pantai Geting, Tumpat telah turut disertai oleh pelajar daripada Kelab Layang-layang Unit Kokurikulum, Politeknik Kota Bharu (PKB). Pihak PKB telah menghantar peserta mewakili tiga kategori yang dipertandingkan. Pertandingan ini diadakan pada 30 Mei 2014. Pensyarah Penasihat Kelab Layang-layang PKB, Encik Chung Boon Chuan telah bertungkus lumus bersama pelajar untuk menyiapkan wau tersebut yang dipertandingkan dalam klasifikasi wau cahaya dan dipertandingkan pada waktu malam. PKB telah mendapat tempat ketiga dalam dua kategori iaitu 'Wau Bercahaya Paling Terang' dan 'Wau Bercahaya Terbaik'. Pertandingan anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia cawangan negeri Kelantan ini telah disertai oleh 20 buah negara luar.








### Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela Siri 2/2014 (APMS)

Sejarah tercipta apabila pelajar PKB yang menyertai Pasukan Sukarela Askar Wataniah tidak mensia-siakan masa cuti semester Disember 2013 dengan menyertai Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela Siri 2/2014 (APMS). Seramai 64 orang anggota baru telah menyertai kursus ini bertempat di Kem Latihan Rejimen 506 AW Sungai Durian, Kuala Krai Kelantan bermula 8 Mei 2014 hingga 6 Jun 2014. Amran Shahril bin Azhar, pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik PKB telah dinobatkan sebagai peserta Kawad Kaki Terbaik. Manakala, Mohamad Faizal bin Hashim daripada pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dipilih sebagai peserta Akademik Terbaik dan Siti Yasfiza binti Muhammad pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam pula dipilih sebagai peserta Keseluruhan Terbaik. Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Staf Markas 8 Briged Lt. Kol Hamdan bin Ismail. Sepanjang 30 hari menjalani kursus, pelajar telah didedahkan dengan pelbagai Ilmu Asas Ketenteraan. Sijil tamat kursus telah disampaikan oleh Pengarah PKB, Mejar (K) Hj Noor Azahan bin Othman yang diadakan di Pusat Pelajar PKB.

### Gotong-Rotong Merdeka 2014

Gotong-royong Merdeka 2014 anjuran Unit Kokurikulum telah direalisasikan pada 19 Ogos 2014 sempena salah satu aktiviti bulan kemerdekaan dan menyahut tanda sokongan kepada acara–acara PKB yang lain. Program ini telah berjaya mendedahkan pelajar daripada unit uniform RELASIS, PISPA dan WATANIAH tentang kepentingan persekitaran yang sihat dengan mengamalkan amalan 5S dan memberi kesedaran tentang bahaya penyakit Denggi disebabkan pembiakan nyamuk Aedes. Selain terlibat secara aktif dengan









latihan jatidiri, pelajar secara tidak langsung diterapkan dengan nilai-nilai murni melalui aktiviti kemasyarakatan dan sukarela seumpama ini selaras dengan kehendak kandungan kursus unit uniform. Bertepatan dengan bulan kemerdekaan Malaysia, program ini telah menjadi satu wadah sebagai satu program kemerdekaan yang mampu memupuk semangat kekitaan dan berpasukan serta bekerjasama bagi mencapai matlamat kerajaan iaitu '1 Malaysia'.

### Kenyir Lake Challenge 2014

11 - 13 September 2014 – Cabaran Kenyir ini telah disertai 10 orang pensyarah Kokurikulum dan 40 orang pelajar yang memegang jawatan dalam organisasi badan uniform di PKB iaitu RELASIS, WATANIAH dan PISPA. Cabaran ini dianjurkan oleh Unit Kokurikulum PKB di mana memerlukan para peserta berjaya menamatkan misi kayak di beberapa buah pulau di Tasik Kenyir untuk dianugerahkan Sijil Kursus Asas Kayak disamping melaksanakan beberapa aktiviti lasak dan kerohanian yang lain. Ia dijalankan dengan kerjasama Persatuan Kayak Negeri Terengganu, Bomba dan Penyelamat Hulu Terengganu, dan beberapa agensi dan jabatan di Terengganu. Program ini bertujuan untuk melatih para peserta tentang kaedah menyelamat dan pertolongan cemas, serta meningkatkan tahap keyakinan dan jati diri. Antara aktiviti lain yang dijalankan adalah berkhemah, water confidence , kembara malam, masakan hutan, latihan dalam kumpulan, dan jungle treking. Program ini turut menyelitkan elemen cintai alam melalui aktiviti Green Environment yang dilaksanakan di Pulau Sah Besar dan Pulau Sah Kecil, Tasik Kenyir.






## Jambori Unit Kokurikulum PKB 2014

Unit Kokurikulum PKB telah menganjurkan Jambori Kokurikulum PKB 2014 kepada Unit Beruniform yang terdiri daripada Askar Wataniah, Pispa dan Relasis. Program ini berlangsung pada 14 Oktober 2014 dengan tujuan menerapkan elemen-elemen jatidiri kepada pelajar Unit Uniform semester satu bagi mempersiapkan diri untuk ke menyertai Unit Uniform (saluran dua) pada semester hadapan. Antara Pertandingan yang diadakan ialah pertandingan Kawad, Cari Harta Karun, Pemasangan Khemah, Memasak, Sukaneka, Paintball (target shooting), Layang-layang dan Ikhtiar Hidup. Pispa telah mengungguli keseluruhan pertandingan ini dengan dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan. Manakala, naib johan dimenangi oleh pasukan Wataniah dan tempat ketiga dimiliki oleh Relasis. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik PKB, Encik Kamaludin bin Daud.

## Kem Jatidiri Dan Penghayatan Warisan Pelajar Kokurikulum Unit Beruniform PKB

Kem Jatidiri dan Penghayatan Warisan Pelajar Kokurikulum Unit Beruniform Politeknik Kota Bharu telah berjaya dilaksanakan pada 11 hingga 13 November 2014 di Stesen Penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Pulau Bidong, Terengganu. Kem ini bertujuan menerapkan elemen-elemen jatidiri kepada pelajar di mana para peserta perlu mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Selain itu, para peserta juga telah dibawa melawat ke bekas tapak penempatan pelarian warga Vietnam di pulau tersebut. Secara tidak langsung, ia dapat menerapkan kepada para pelajar tentang pentingnya pemeliharaan flora dan fauna untuk tatapan generasi yang seterusnya serta mengambil iktibar ke atas sejarah negara.

## Perlawanan Futsal PKB

Perlawanan Futsal antara jabatan di Politeknik Kota Bharu(PKB) telah diadakan pada pada 19 September 2014 bertempat di Futsal Hidayah Kok Lanas anjuran Unit Kokurikulum, PKB dengan kerjasama Persatuan Alumni PKB. Semua jabatan telah menyertai perlawanan ini termasuk pasukan Unit Pentadbiran, PKB. Keputusan perlawanan berpihak kepada pasukan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal sebagai Johan. Naib Johan pula dimenangi oleh Unit Pentadbiran PKB dan tempat ketiga dianugerahkan kepada pasukan Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Hadiah daripada sumbangan Persatuan Alumni PKB telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Akademik PKB, Encik Kamaludin bin Daud. Program ini berjaya mengeratkan silaturahim antara staf dan menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat.

## Kem Jatidiri dan Kerja Berpasukan (Pemuliharaan, Kelestarian dan Warisan) - Jambori Zon Timur 2014

9 -11 Oktober 2014 -Keputihan terumbu karang bukanlah fenomena baru dan ia terjadi selang beberapa tahun akibat kadar suhu air meningkat. Kebanyakan terumbu karang bertukar warna kepada warna putih kerana ia berada di bawah tekanan terutamanya disebabkan keadaan suhu air yang meningkat akibat pemanasan dunia. Jambori Zon Timur 2014 telah disertai oleh empat pelajar semester satu wakil setiap unit uniform di setiap Politeknik Malaysia Zon Timur. Program ini adalah anjuran Unit Kokurikulum, Politeknik Kota Bharu dengan kerjasama Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia dan diadakan di D'Lagoon, Pulau Perhentian, Terengganu. Program ini dapat melahirkan kesedaran tentang kepentingan terumbu karang dan sayangi hidupan laut. Disamping itu, program ini dapat membuka minda pelajar, meningkatkan kreativiti dan lebih berinovatif melalui pengetahuan dan pengalaman yang dikongsi bersama semasa menganjurkan aktiviti menanam tukun tiruan dan pemuliharaan pantai serta dapat merapatkan lagi hubungan Politeknik Malaysia dengan masyarakat, pelancong asing serta agensi kerajaan yang terlibat.





### Malaysia Polytechnic Territorial Army Annual Camp (MalPTAAC 9)

Kem Tahunan Askar Wataniah(AW) Politeknik Malaysia kali ke 9 atau Malaysia Polytechnic Territorial Army Annual Camp (MalPTAAC 9) anjuran Jabatan Pengajian Politeknik dengan kerjasama Bahagian Pasukan Simpanan Kementerian Pertahanan telah berlangsung selama 14 hari bermula 14 hingga 26 Nov 2014 bertempat di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Terengganu. Program ini melibatkan 14 Politeknik Malaysia dan PKB telah diwakili seramai 35 orang pelajar yang menyertai Pasukan Askar Wataniah. Program ini telah berjaya menguji tahap kemahiran anggota AW dalam bidang ketenteraan, membina jati diri dan semangat juang yang tinggi di kalangan anggota, memupuk semangat berpasukan, meningkatkan disiplin diri dan patuh kepada arahan pemimpin atasan, membentuk daya kepimpinan serta belajar membuat keputusan. Sepanjang MalPTAAC 9, Latihan Medan dilaksanakan selama 4 hari di Hutan Ketengah, selain pertandingan Kawad Kaki, Menembak, Log Relay dan Sukan (bola tampar, bola jaring dan futsal). PKB telah berjaya mendapat Naib Johan Keseluruhan dengan Johan bagi acara berkumpulan iaitu Kawad Kaki dan Futsal.





### Sukarelawan Banjir PKB

Khidmat Masyarakat dan Kebajikan sudah sinonim dengan aktiviti pelajar Politeknik Kota Bharu(PKB). Pada 23 Disember 2014, banjir besar mula melanda Kelantan. Perancangan misi sukarelawan telah diatur bersama dengan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Kelantan melalui penasihat PISPA PKB. Lokasi misi bantuan terlibat adalah Sekolah Kebangsaan Penambang, Kota Bharu. Seramai 17 orang sukarelawan PKB mengharungi air sedalam paras pinggang untuk membantu mangsa banjir yang dipindahkan di situ. Antara tugas yang telah dilaksanakan ialah membantu memasak kepada mangsa banjir. Pada 26 Disember 2014 pula, PKB menjadi salah satu pusat pemindahan banjir. Sukarelawan PKB bersama para pensyarah membantu 845 orang mangsa banjir mengagihkan makanan dan pengurusan harian mereka, selain turut menyediakan bekalan air bersih dan mengadakan sukaneka kepada anak-anak mangsa banjir.







# UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI



Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) merupakan satu unit akademik yang bertanggungjawab untuk mengurus semua aktiviti yang berkaitan dengan latihan industri pelajar. UPLI juga membantu pelajar dalam urusan sebelum, semasa dan selepas bagi proses menjalani latihan industri. Sepertimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, sebelum pelajar dianugerahkan diploma, mereka perlu menjalani dan lulus latihan industri. Hal ini kerana program latihan industri merupakan sebahagian daripada syarat kurikulum politeknik yang mesti dipenuhi oleh semua pelajar. Berdasarkan prosedur dan peraturan yang berkuatkuasa, UPLI sentiasa meningkatkan usaha untuk mengurus aktiviti yang berkaitan dengan latihan industri supaya semua pelajar yang layak menjalani latihan industri berjaya ditempatkan di organisasi dan industri yang sepadan dengan kos yang diambil oleh pelajar. Pengurusan ini akan meningkatkan produktiviti pelajar kepada politeknik dan industri. UPLI juga akan memastikan hubungan baik diantara politeknik dan industri dapat dikekalkan serta dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Selepas menamatkan latihan industri, semua pelajar diharapkan dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari semasa menjalani latihan industri sebagai seorang pekerja dalam sebuah organisasi dan dapat berkomunikasi dengan lancar dalam pelbagai peringkat. Pelajar juga diharapkan dapat mempraktikkan kemahiran sosial dan mengamalkan kerja secara berpasukan, mematuhi semua polisi yang ditetapkan, prosedur dan peraturan organisasi secara profesional dan beretika.

## Taklimat Keperluan Industri

Taklimat Latihan Industri adalah satu taklimat yang perlu dihadiri oleh semua pelajar semester 3 dan semester 5 yang bakal menjalani latihan industri. Modul taklimat awal atau taklimat sebelum industri merupakan panduan awal kepada pelajar berkenaan pendaftaran kursus, prosedur pemilihan dan permohonan tempat latihan industri, hal ini kerana tempat latihan industri mestilah bersesuaian dengan program pengajian yang diambil oleh pelajar. Taklimat ini juga menerangkan peraturan dan disiplin yang perlu dipatuhi oleh pelajar semasa menjalani latihan industri dengan format yang betul.

Semasa taklimat latihan industri berlangsung, UPLI telah menjemput wakil daripada industri untuk berkongsi maklumat mengenai keperluan latihan industri kepada pelajar politeknik. Bagi tahun 2014, UPLI Politeknik Kota Bharu telah menjemput wakil dari PERKESO Negeri Kelantan (En. Wan Izani bin wan Isa) dan wakil Ain Medicare Sdn. Bhd. (En. Azman bin Hasbullah) bagi memberi sedikit perkongsian dan pengetahuan tentang kepentingan dan keperluan Latihan Industri kepada pelajar Politeknik Kota Bharu yang bakal menjalani latihan tersebut.

## Lawatan Kolaborasi Industri

Sepanjang tahun 2014, Unit Perhubungan & Latihan Industri telah mengadakan beberapa siri lawatan kolaborasi ke beberapa industri sekitar negeri Kelantan. Objektif utama lawatan kolaborasi ini ialah bagi mewujudkan hubungan baik diantara Politeknik Kota Bharu dengan pihak industri. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan memperkenalkan Politeknik Kota Bharu kepada Firma sebagai sebuah institusi pendidikan yang mengeluarkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Kejuruteraan Awam, Elektrik, Mekanikal dan Perdagangan.




Antara industri yang dilawati sepanjang tahun 2014 termasuk Nurhikari Consultant (Keropok Kitchen), Kelantan Biotech Corporation, Nordin Batik Sdn. Bhd., Kijang Kuari Sdn. Bhd., Ranhill Water Services, Adasfa Sdn. Bhd., Rohm Wako Electronics (M) Sdn. Bhd., Cystal Ice Sdn. Bhd. dan Radicare (M) Sdn. Bhd.

## Dialog Industri

Pada 30 September 2014, Unit Perhubungan dan Latihan Industri Politeknik Kota Bharu telah mengadakan Dialog Industri dengan kerjasama Program Innotex 2014. Program ini terbuka kepada semua pelajar semester akhir. Dialog Industri diadakan bertujuan memberikan peluang kepada pelajar dan industri untuk berkongsi maklumat penting untuk kebaikan pelajar. Program ini juga dapat menyediakan peluang kepada pelajar untuk mengenali industri dengan lebih dekat serta mendapat sebanyak mungkin input yang diberi oleh industri kepada pelajar supaya pelajar dapat mengetahui secara tidak langsung suasana alam pekerjaan dan bersedia menempuh alam pekerjaan di masa akan datang.



Program ini dimulakan dengan ucapan aluan pengarah politeknik kota bharu, Tn. Hj. Noor Azahan Bin Othman. Seterusnya Keynote Speaker telah disampaikan oleh Pengarah Bahagian Hubungan Industri & Kebolehpasaran iaitu En.Tung Chee Kuan. Panel Dialog Industri pula terdiri daripada Pengurus Kelantan Biotech iaitu En. Zamakhsari Bin Mohammad, Pengurus Nurhikari Consultant, Pn. NorHayanti Binti Che Kob dan Pengarah Perkeso Negeri Kelantan, En. Bakri Bin Rasyid. Manakala En. Md. Nawi bin Ab. Rahman telah dilantik selaku moderator bagi program ini.

Secara keseluruhannya, Program Dialog Industri yang dianjur oleh Unit Perhubungan dan Latihan Industri Politeknik Kota Bharu telah memberi banyak pengetahuan dan input serta maklumat-maklumat penting kepada pelajar semester akhir untuk persediaan menempuh alam pekerjaan pada masa akan datang. Panel yang dijemput banyak memberi maklumat dan menjawab segala persoalan yang diajukan oleh pelajar secara terperinci mengenai industri. Dialog Industri membawa pelajar dekat kepada industri dan bersedia untuk memasuki alam pekerjaan. Pihak UPLI berpuas hati kerana segala objektif yang gariskan dapat dicapai dengan baik.

## PKB INNOTEX 2014 & Dialog Industri

Pada 30 September & 1 Oktober 2014, Politeknik Kota Bharu telah mengadakan satu program iaitu PKB Innotex 2014 & Dialog Industri yang berlangsung di Politeknik Kota Bharu. Program ini terbuka kepada semua pelajar semester akhir Politeknik Kota Bharu. PKB Innotex 2014 & Dialog Industri merupakan gabungan hari pameran/pembentangan projek pelajar akhir semester dan Dialog Industri diantara pelajar dan pihak industri. Program ini diadakan bertujuan memberi peluang kepada pelajar dan penyelia untuk meluaskan ilmu pengetahuan dengan berkongsi idea, pengalaman dan hasil inovasi sesama meraka serta orang ramai. Mendedahkan kemahiran dan kebolehan pelajar Politeknik kepada masyarakat umum serta melahirkan pelajar yang berdaya saing dan berinovasi melalui hasil rekacipta projek pelajar. Pelbagai pengisian yang menarik yang berlangsung semasa program, antaranya Pameran Projek Pelajar, Dialog Industri, Lawatan Pelajar Sekolah, Walk In Interview dan Pameran Industri daripada Rizal Agency, Shin-Etsu Polymer (M) Sdn. Bhd., Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd., Pusat Komputer Era Timur dan lain-lain. Majlis Penutup program ini ialah pada 1 Oktober dan telah dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan iaitu Dato' Makhtar Bin Mustapha.

Secara umumnya, program ini telah berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan dengan jayanya. Melalui program ini dapat melahirkan pelajar yang berdaya saing, berfikiran kreatif dan berinovasi melalaui hasil rekacipta projek pelajar. Disamping itu, program ini dapat membina keyakinan pelajar dalam melontar idea dan hasil kerja mereka kepada masyarakat terutamanya pihak industri. Bagi persediaan menempuh alam pekerjaan, pelajar juga didedahkan dengan keperluan industri pada masa kini. Firma industri yang hadir telah mengadakan temuduga dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar semester akhir. Politeknik berpuas hati dengan perjalanan program ini kerana diolog industri yang diadakan dapat memberi maklumat yang bermanfaat kepada pelajar semester akhir. Sambutan yang menggalakkan daripada firma dan pelajar sekolah juga dapat memberi impak kepada pelajar yang mempamerkan projek mereka dengan melatih diri untuk memberi penerangan yang baik kepada pengunjung. Secara langsung, program ini telah memberikan semangat dan maklumat yang penting kepada pelajar dan masyarakat.

# PERPUSTAKAAN



Perpustakaan Politeknik Kota Bharu (PKB) bertanggungjawab untuk menyediakan koleksi yang berkualiti serta perkhidmatan yang efisien dan berhemah bagi memenuhi kehendak pelanggan sejajar dengan visi, misi dan objektif Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 2014, Perpustakaan PKB telah menjalankan pelbagai program serta perkhidmatan perpustakaan yang cemerlang bersesuaian dengan perkembangan teknologi maklumat. Program galakan membaca merupakan fokus utama perpustakaan dalam menerapkan budaya membaca dan meningkatkan penggunaan perpustakaan khususnya di kalangan pelajar dan amnya kakitangan PKB. Dengan penubuhan Kelab Rakan Pustaka (KRP), pelajar didedahkan dengan pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan oleh Perpustakaan PKB. Penyertaan pelajar dalam KRP adalah amat menggalakkan. Penggunaan Sistem Perpustakaan Bersepadu - KOHA, yang telah mula di gunapakai sejak 2010 telah meningkatkan keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna. Sebanyak 2,423 naskhah bahan telah dimasukkan ke dalam sistem KOHA sepanjang tahun lepas. Jumlah keseluruhan yang telah dimasukkan ke dalam sistem ini sebanyak 37,243 naskhah.

**Staf Perpustakaan 2014**

| Bil. | Nama Pegawai | Jawatan | Gred |
|---|---|---|---|
| 1. | Kasuma Dewi bt. Said | Ketua Unit | S44 |
| 2. | Noormey bt. Mohd Nor | Pustakawan | S41 |
| 3. | Mohamad Azwar b. Junoh | Penolong Pegawai Perpustakaan | S32 |
| 4. | Noorizatul Akmal bt. Mohd. Noor | Pembantu Perpustakaan | S17 |
| 5. | Mohd. Noraidi b.Jaafar | Pembantu Perpustakaan | S17 |
| 6. | Elahan bt. Che Bakar | Pembantu Perpustakaan | S17 |
| 7. | Mimi Afida bt. Che Mansor | Pembantu Perpustakaan | S17 |
| 8. | Nurul Fatihah bt. Ibrahim | Pembantu Perpustakaan | S17 |
| 9. | Juhaizan bt. Jopely | Pembantu Perpustakaan | S17 |

**Lawatan Keusahawanan & Penandarasan ke Kuching, Sarawak**

Seramai 3 orang pegawai dan 17 pelajar Kelab Rakan Pustaka (KRP) telah berpeluang melawat ke kilang pembuatan pasu, tempat pembuatan rempah Laksa Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, tempat pembuatan Kek Sarawak dan juga Pasar Serikin, Kuching Sarawak pada 9 hingga 11 Januari 2014. Objektif lawatan ini diadakan adalah untuk memperkembangkan lagi perniagaan Kelab KRP serta mendedahkan kepada semua ahli berkaitan dengan urus niaga secara langsung mahupun tidak langsung. Disamping itu, pelajar juga dapat didedahkan dengan sosio budaya pelbagai kaum di Malaysia khasnya di Sarawak.

**Lawatan Pelajar ke Perpustakaan Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Baharu & Singapura**

4 hingga 7 Jun 2014 - Seramai 4 orang pegawai dan 30 pelajar Kelab Rakan Pustaka telah mengadakan lawatan ke Perpustakaan Politeknik Ibrahim, Johor dan beberapa tempat menarik di Singapura seperti Merlion City & Esplanade Park, China Town, Orchard Road, Arab Street, Bugis Street, Kampung Gelam dan Istana Sultan.

**Pertandingan Menghias Perpustakaan Antara Kumpulan KRP**

Pertandingan ini telah berjaya dianjurkan pada 10 hingga 21 Ogos 2014 kepada ahli Kelab Rakan Pustaka (KRP). Program ini dianjurkan bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama di antara ahli kumpulan disamping menambahkan lagi keceriaan Perpustakaan Politeknik Kota Bharu bagi keselesaan pelajar.

**Program Gerak Baca di Tadika Cilik**

Pada 24 September 2014, Perpustakaan PKB dengan kerjasama Kelab Rakan Pustaka (KRP) telah mengadakan program bersama kanak-kanak Tadika Cilik, PKB. Seramai 7 orang ahli KRP beserta 28 orang kanak-kanak berumur lingkungan 4 hingga 6 tahun telah terlibat di dalam aktiviti-aktiviti Gerak Baca. Antara pengisian program termasuklah senaman ringan di awal program, teka nombor dan abjad, teka gambar, sesi mewarna, sesi bercerita, tayangan video dan nursery rhymes. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk menarik minat kanak-kanak terutamanya peringkat umur 4 hingga 6 tahun terhadap membaca. Selain itu, secara tidak langsung pelajar turut dilatih untuk mengelolakan sesuatu program dan membina keyakinan diri untuk berinteraksi dengan masyarakat.

### Bengkel Keusahawanan Waffle

Pada 6 Disember 2014, Perpustakaan PKB telah menganjurkan Bengkel Keusahawanan Waffle bertempat di G'Cafe, Politeknik Kota Bharu. Seramai 35 orang pelajar termasuk staf daripada Perpustakaan dan Kelab Rakan Pustaka telah menyertai bengkel tersebut. Bengkel yang diadakan ini mampu memberikan pendedahan asas bagi mengukuhkan lagi atribut keusahawanan di kalangan ahli kelab.

### Aktiviti Lain

| Bil. | Program/Aktiviti | Tempat | Tarikh | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Teambuilding ( Bowling KRP & Staf) | KB Mall, Kota Bharu | 3 Januari 2014 | 40 orang |
| 2. | Bengkal Bedework | Makmal Komputer GCL 7 | 15 Januari 2014 | 32 orang |
| 3. | Peminjam Bertuah Bulan Januari (Pelajar) | Perpustakaan PKB | 6-29 Januari 2014 | 381 orang |
| 4. | Gotong Royong KRP di G'Cafe, PKB | G'Cafe, PKB | 23 Januari 2014 | 40 orang |
| 5. | Bengkel Pencarian Maklumat Berkualiti di Internet | Makmal Komputer GCL 7 | 20 Februari 2014 | 40 orang |
| 6. | Peminjam Tertinggi Bulan Februari (Pelajar) | Perpustakaan PKB | 9 Feb – 9 Mac 2014 | 302 orang |
| 7. | Lawatan Kerja dari POLISAS (Pengoperasian KOHA) | PKB | 6 Februari 2014 | 7 orang |
| 8. | KRP Catur PKB Sports | Dataran Gemilang, PKB | 13-16 Feb 2014 | 26 orang |
| 9. | Gotong-royong G'Cafe ahli KRP | G'Cafe, PKB | 20 Februari 2014 | 40 orang |
| 10. | Jamuan Hari Jadi Staff & KRP | Bilik Sri Mawar, PKB | 25 Februari 2014 | 40 orang |
| 11. | Majlis Makan Malam Perpisahan & Penghargaan Kelab Rakan Pustaka | Restoran New Horizon Garden | 5 April 2014 | 40 orang |
| 12. | Lawatan Sambil Belajar dari Sek. Men. Kebangsaan Berangan, Tumpat | Perpustakaan PKB | 8 Mei 2014 | 47 orang |
| 15. | Taklimat Pelajar Baru Sesi Jun 2014 | Perpustakaan PKB | 22-26 Jun 2014 | 450 orang |






| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 16. | Lawatan Sambil Belajar dari Sek. Men. Keb. Bachok | Perpustakaan PKB | 24 Jun 2014 | 131 orang |
| 17. | Kursus Pengkatalogan Bahan Multimedia Bercetak bagi Staf Perpustakaan | Bilik Ibnu Sina, Perpustakaan PKB | 2 Julai 2014 | 9 orang |
| 18. | Peraduan Teka Silang Kata | Perpustakaan PKB | 6 Julai – 6 Ogos 2014 | 150 orang |
| 19. | Majlis Berbuka Puasa KRP | Food Village Chim Chum | 16 Julai 2004 | 35 orang |
| 20. | Lawatan Penandarasan Kakitangan Perpustakaan Politeknik Jeli | Perpustakaan PKB | 10 Ogos 2014 | 3 orang |
| 21. | Bengkel Membina Blog bagi Staf Perpustakaan | GCL 7, PKB | 11 Ogos 2014 | 9 orang |
| 23. | Lawatan KRP ke Perpustakaan Awam Kelantan | Perpustakaan Awam Kelantan | 27 Ogos 2014 | 41 orang |
| 24. | Gerak Baca Tadika Cilik | Tadika Cilik, PKB | 24 Sept 2014 | 35 orang |
| 25. | Pertandingan Menghias Meja Terceria | Perpustakaan PKB | 1-4 Sept 2014 | 9 orang |
| 26. | Indoor Game | Perpustakaan PKB | 21-24 Sept 2014 | 116 orang |
| 27. | Teambuilding & Family Day (KRP & Staf Perpustakaan) | Pantai Sri Telong, Bachok | 16 Sept 2014 | 40 orang |
| 28. | Lawatan Sambil Belajar dari SMK Mengkebang Kuala Krai | Perpustakaan PKB | 30 Sept 2014 | 40 orang |
| 29. | Program Lawatan & Taklimat Kesedaran Penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). | Bilik Ibnu Sina, PKB | 29 Okt 2014 | 10 orang |
| 30. | Lawatan Keusahawanan Kelab Rakan Pustaka (KRP) ke Pulau Pinang | Politeknik Seberang Prai, Pulau Pinang | 11-14 Nov 2014 | 35 orang |

"Education is not preparation for life; education is life itself."

- John Dewey



# UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA



Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia berperanan dalam memberikan perkhidmatan yang efektif di Politeknik Kota Bharu (PKB) dengan penggunaan peralatan Alat Pandang Dengar (APD), Multimedia dan Fotografi kepada kakitangan dan pelajar dalam melancarkan lagi perlaksanaan proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Begitu juga aktiviti bukan P&P yang melibatkan siaraya, rakaman video, liputan bergambar (fotografi), sistem pembesar suara (P.A. System), TV Info, tayangan video, kemudahan elektronik dan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV). Selain daripada itu UIDM menjaga dan menyelia sebahagian besar peralatan yang digunakan untuk kerja-kerja berkaitan seperti peralatan Kamera DSLR, Kamera Video, LCD projektor, P.A. System, Mikrofon dan seumpamanya. Unit ini juga menyediakan perkhidmatan peminjaman peralatan dan tenaga kerja profesional untuk membantu dari segi teknikal dan pengendalian peralatan bagi memastikan aktiviti atau program berjalan lancar.

## Aktiviti

Sepanjang tahun 2014, UIDM telah terlibat dalam 100 program PKB. Antaranya ialah aktiviti tahunan PKB seperti Minggu Suai Kenal (MSK), Majlis Konvokesyen, program derma darah, Perhimpunan Bulanan, seminar, ceramah dan banyak lagi. Program-program tersebut telah melibatkan anggota unit UIDM sebagai AJK Siaraya dan Multimedia.

Selain daripada aktiviti tahunan PKB, UIDM turut menganjurkan kursus-kursus dalaman seperti Kursus Video Editing untuk kakitangan pada 11 hingga 14 Mei bertempat di UIDM dan Kursus Fotografi Perkahwinan untuk Kelab Keusahawanan pada 6 hingga 8 November yang telah berlangsung di UIDM dan sekitar PKB.

Di bawah bimbingan pegawai-pegawai di UIDM juga kami telah berjaya mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang fotografi dengan penubuhan Kelab Fotografi dan Multimedia dan bergerak aktif sehingga kini.



# UNIT SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT



Unit Sistem Teknologi Maklumat atau lebih dikenali dengan USTM adalah unit yang menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran dan sekali gus menyediakan prasarana dan kemudahan ICT di Politeknik Kota Bharu. Objektif utama unit ini adalah untuk memberi perkhidmatan ICT untuk aktiviti pengurusan, pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Kota Bharu. Selaras dengan fungsi Politeknik Kota Bharu sebagai sebuah pusat kecemerlangan akademik, USTM juga turut sama membantu dalam menyediakan kursus terpilih bagi tujuan meningkatkan pengetahuan ICT di kalangan staf akademik dan sokongan. Selain itu, USTM juga menyediakan platform kepada pelajar untuk menjalani latihan industri. Para pelajar akan didedahkan dengan pelbagai pengalaman dan kemahiran dalam bahagian teknikal komputer dan diharapkan pengalaman ini dapat meningkatkan lagi soft skill para pelajar.



Senarai Staf

| Bil | Nama | Jawatan | Gred |
|---|---|---|---|
| 1 | Suzianna Taib | Pegawai Teknologi Maklumat | F44 |
| 2 | Rabiatul Adawiah Ramli | Pegawai Teknologi Maklumat | F44 |
| 3 | Mohd Ridhuan Salleh | Pegawai Teknologi Maklumat | F41 |
| 4 | Noorli Sham | Pegawai Teknologi Maklumat | F41 |
| 5 | Muhammad Sufian Ilias | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | F29 |
| 6 | Azriana Murni shakri | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | F29 |
| 7 | Rosnita Ali | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | F29 |
| 8 | Masmini Hamzah | Juruteknik | FT22 |
| 9 | Mohd Bokhri Kamarudin | Juruteknik | FT17 |
| 10 | Zulzamzuri Abdullah | Juruteknik | FT17 |
| 11 | Che Afzainizam Ab Rosol | Juruteknik | FT17 |
| 12 | Sakhawi Azrodi Salleh | Juruteknik | FT17 |
| 13 | Rohanah Rahim | Juruteknik | FT17 |
| 14 | Nik Nor Shatila Azlina Nik Dir | Juruteknik | FT17 |

**Aktiviti**

Objektif utama unit ini adalah untuk memberi perkhidmatan ict untuk aktiviti pengurusan, pengajaran dan pembelajaran di politeknik kota bharu. Sepanjang tahun 2014, USTM telah menjalankan pelbagai aktiviti bagi menyokong Pembelajaran dan Pengajaran di PKB dan sekaligus memastikan segala urusan yang memerlukan penggunaan internet berjalan lancar dan berkesan.

**Kursus Pengenalan Joomla (10 - 12 Mac 2014)**

Kursus ini disertai oleh semua kakitangan USTM, bertujuan meningkatkan pengetahuan kakitangan teknikal ICT PKB dalam pengurusan sistem menggunakan Joomla.







**Bengkel Migrasi 1GovUC (24 – 25 Mac 2014)**

Bengkel ini bertujuan melaksanakan migrasi emel lama kepada emel 1GovUC – client installation and configuration, dan sebagai latihan penggunaan perkhidmatan 1GovUC.

**Kursus Migrasi E-Mel PKB kepada Emel 1GovUC (7 Mei 2014)**

Kursus yang disertai oleh 40 orang staf PKB bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan Emel 1GovUC.



# UNIT PEMBANGUNAN & SENGGARAAN



Unit Pembangunan dan Senggaraan adalah ditubuhkan untuk bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan kerja pembangunan dan penyenggaraan bangunan dan kemudahan awam di dalam kampus Politeknik Kota Bharu seluas 105.9 ekar. Pada tahun 2014, sejumlah peruntukan telah digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja meliputi senggaraan dan pembaikan bangunan, sistem penyaman udara, peralatan pencegah kebakaran, peralatan kemudahan mekanikal dan kemudahan elektrikal. Bagi senggaraan yang kecil, kerja-kerja dilaksanakan oleh kakitangan UPSG manakala bagi yang memerlukan kepakaran dilaksanakan melalui kontraktor yang dilantik. Kakitangan UPSG diketuai oleh Pegawai Pembangunan dan Senggaraan dan dibantu oleh 9 orang kakitangan teknikal yang lain. Adalah menjadi tanggungjawab UPSG bagi memastikan kemudahan dan fasiliti kampus Politeknik Kota Bharu berkeadaan baik dan tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran.

Pada tahun 2014, sebanyak 908 aduan telah diterima oleh UPSG berkaitan kerosakan daripada pihak pengguna berdasarkan pecahan di bawah :

| Jenis Aduan Kerosakan | Bilangan | Peratusan % |
|---|---|---|
| Asrama | 476 | 53 |
| Awam/Bangunan/Infra | 220 | 24 |
| Elektrikal/Telefon | 150 | 17 |
| Mekanikal | 62 | 6 |
| Jumlah | 908 | 100 |

Daripada jumlah aduan tersebut, sebanyak 99.5% telah berjaya dibaiki, manakala selebihnya tidak ekonomik untuk dibaiki atas pelbagai kerosakan besar yang berlaku.

Peranan UPSG juga adalah bertanggungjawab melaksanakan projek naiktaraf, ubahsuai dan pembangunan. Bagi tahun 2014, UPSG telah melaksanakan beberapa projek berikut dibawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK 10):

- kerja-kerja membaikpulih pagar perimeter serta kerja berkaitan.
- kerja-kerja pemasangan paip HDPE 150mm dari tangki air utama ke kawasan asrama serta kerja berkaitan.
- kerja-kerja penyelenggaraan perkakasan elektrik di dua blok bengkel Jabatan Kejuruteraan Mekanikal serta kerja berkaitan.
- kerja-kerja mengganti, memasang dan mengujilari sistem penyaman udara serta kerja berkaitan.
- kerja-kerja menaiktaraf Studio Ukur Bahan serta kerja berkaitan.

Di samping itu, tugas UPSG juga terlibat sebagai unit yang bertanggungjawab dalam persiapan tempat untuk pelbagai majlis dan acara. Pada 2014, UPSG telah terlibat dalam beberapa majlis, antaranya adalah Majlis Konvokesyen, Pendaftaran Pelajar Baru dan Minggu Suaikenal.



**Laporan Keseluruhan Status Dan Senarai Kerja Pembangunan & Senggaraan Politeknik Kota Bharu 2014**

| Bil | Jenis Peruntukan | Bil Kerja | Kos Perbelanjaan Keseluruhan (RM) | Status Laksana | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Rancang | Siap | Bina |
| 1 | OS 28000 | 60 | 641,253.00 | 60 | 60 | 0 |
| 2 | OS 32000 | 1 | 29,700.00 | 1 | 1 | 0 |
| 3 | OS 33000 | 1 | 41,505.00 | 1 | 1 | 0 |
| 4 | P 41 (Rmk 10) | 6 | 684,802.35 | 6 | 6 | 0 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **78** | **1,397,260.35** | **78** | **78** | **0** |

"Creativity is
just connecting things.
When you ask creative people
how they did something,
they feel a little guilty
because
they didn't really do it, t
hey just saw something.
It seemed obvious to them
after a while."

- Steve Jobs

# UNIT PENYELIDIKAN & INOVASI







Mendokong misi menerobos sempadan ke arah menjana ekonomi yang diterajui inovasi, Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI) Politeknik Kota Bharu bermatlamat untuk merencana, merancang aktiviti dan menggalakkan inovasi dan kajian penyelidikan. Antara objektif unit ini adalah memastikan aktiviti penyelidikan, penerbitan penulisan ilmiah dan program-program meningkatkan penyelidikan dan inovasi dijalankan. Secara tidak langsung ini akan menggalakkan budaya menyelidik, kreatif dan inovatif di kalangan pensyarah dan pelajar PKB.



**Diskusi Penyelidikan**

Program ini diadakan setiap semester yang lazimnya bergantung kepada permintaan pensyarah untuk membincangkan pelbagai persoalan dan isu melibatkan penyelidikan dan inovasi. Satu sesi diskusi diadakan di UPI pada18 Mac 2014 di antara 10 orang pensyarah dari pelbagai jabatan dengan Dr Zamri Yusoff dan ketua UPI.

**Kolokium, Konferensi dan Seminar Penyelidikan Peringkat Kebangsaan dan Zon Timur**

5 persidangan telah dilaksanakan dalam tahun 2014 iaitu Kolokium Penyelidikan Teknikal & Sains Sosial Peringkat Politeknik Zon Timur 2014 (KPTSS'14), National Conference on Mechanical Engineering 2014 (NCME'14), Kolokium Penyelidikan dan Penulisan Kokurikulum Peringkat Politeknik Zon Timur 2014 (KPPKo'14), Conference of Internalisation of Malaysia's Polytechnic Education 2014 (CIMP'14), Seminar Penyelidikan Matematik, Sains dan Komputer Peringkat Zon Timur 2014 (SPMSK'14). KPTSS'14 membuka tirai persidangan penyelidikan dengan penyertaan 38 orang pembentang dari PSMZA, POLISAS, PJK, PSMZA dan PKB pada 20-21 Mei 2014. NCME'14, kolaborasi PKB, POLISAS dan PSMZA yang dihadiri Ketua Pengarah JPP dan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Politeknik, telah dilaksanakan dengan jaya nya pada 23-25 Jun 2014 dengan penyertaan 73 pembentangan pensyarah dari pelbagai institusi pengajian tinggi. Kokurikulum pula dengan KPPKo'14 pula melibatkan pembentangan 22 orang pensyarah pada 13 Ogos 2014. CIMP'14 dilaksanakan pada 9 September 2014 dengan pembentangan dua orang profesor tetamu jemputan dari USM dan UTEM. SPMSK'14 melabuhkan tirai persidangan penyelidikan bagi tahun 2014 di PKB dengan penghasilan 31 hasil penulisan ilmiah pada 17 November 2014.

**Innotex '14 dan Dialog Industri**

Gabungan pameran projek pelajar setiap jabatan dalam Innotex '14 dan Dialog Industri hasil kolaborasi PKB dengan agensi luar diadakan pada 1-2 Oktober 2014. Majlis yang dirasmikan oleh Dato' Makhtar bin Mustapha, Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan ini dilaksanakan di Dewan Jubli Perak dan Dataran Gemilang PKB. Produk inovasi yang terbaik dipilih untuk dikomersialkan dengan melalui proses perlindungan harta intelek.

"Innovation distinguishes between a leader and a follower."

- Steve Jobs

# UNIT KAMSIS



**Program Diskusi Ahli Kelab Pelajar Kamsis PKB Bersama Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PMS) Sesi Disember 2013.**

Program ini telah diadakan pada 16 hingga 17 Januari 2014, bertempat di PKB. Antara objektif program adalah untuk mengeratkan ukhwah di antara Ahli Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman kedua-dua pihak serta menimba pengalaman baru dan menambah baik pengurusan pelbagai program di Kamsis. Perbincangan telah diadakan berkaitan pelbagai perkara diantaranya berkaitan peraturan-peraturan yang digunapakai di kedua-dua kolej, sistem pengurusan dan kewujudan Kamsis Young Entrepreneurship (Ka'Ye) di Kamsis PKB. Program ini juga melibatkan pertemuan dan perbincangan di antara felo –felo yang berkenaan.

**Sambutan Minggu Sukan**

Minggu Sukan di Kolej Kediaman PKB telah diadakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2014. Bagi sesi Disember 2013, Minggu Sukan telah diadakan pada 20 hingga 22 Februari 2014 dan bagi sesi Jun 2014, telah diadakan pada 12 hingga 13 September 2014. Aktiviti sukan telah diadakan di Padang Bola sepak serta di persekitaran kawasan Kolej Kediaman PKB. Diantara jenis-jenis permainan yang diadakan adalah Bola Jaring, Bola Tampar, Bola sepak serta sukaneka lain. Diantara objektif Sambutan Minggu Sukan ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan diantara Ahli Jawatankuasa Kelab Pelajar Kamsis dengan pelajar kamsis yang lain. Aktiviti ini juga dapat mengembangkan bakat para pelajar dan dapat mencungkil kebolehan softskill disamping dapat memantapkan lagi kewibawaan dalam diri pelajar bagi mengendalikan sesuatu aktiviti.

**Forum Valentine Day Menurut Perspektif Barat Dan Islam**

Forum ini telah diadakan pada 4 Mac 2014 bertempat di Masjid Ibrahimi, PKB. Objektif forum adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar betapa pentingnya mengetahui pandangan "valentine day" melalui perspektif Barat dan Islam. Program ini dapat mengeratkan hubungan pelajar dengan felo, pihak pengurusan dan Kelab Pelajar Kamsis.

**Program Gotong Royong Di Rumah Anak Yatim**

Pada 14 Mac 2014, Program gotong-royong telah diadakan di rumah anak yatim iaitu Asrama Bakti, Machang. Program telah diadakan oleh Kelab Pelajar Kamsis. Antara objektif program adalah untuk mengeratkan hubungan ukhwah antara Kelab Pelajar Kamsis, disamping membantu golongan yang kurang bernasib baik. Juga melahirkan para pelajar yang berkebolehan, berkeyakinan tinggi dan dapat mengekalkan stamina dan kesihatan mental, fizikal dan emosi para pelajar. Secara amnya, program ini memberi impak yang besar kepada ahli kelab yang mengikuti program ini. Berjaya memupuk semangat kerjasama dalam satu organisasi, bersifat prihatin, menghormati dan penyayang sesama manusia.

**Malam Kebudayaan Dan Perpisahan Kolej Kediaman PKB**

Program ini telah diadakan sebanyak dua(2) kali iaitu sesi Disember 2013 diadakan pada 19 Mac 2014 dan 22 September 2014 untuk pelajar sesi Jun 2014. Program ini diadakan di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu. Tujuan program diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada pelajar Kamsis di atas sumbangan dan bakti yang telah diberikan sepanjang menetap di Kamsis. Majlis ini dapat mencungkil bakat dan minat pelajar melalui persembahan seni kebudayaan seperti lakonan, berpuisi, dikir barat dan sebagainya. Pelajar dapat mengenali antara satu sama lain dan dapat mengeratkan hubungan silaturahim bersama felo dan Pihak Pengurusan Kolej Kediaman. Semangat kenegerian juga dapat dihapuskan dikalangan pelajar.

**Malam Silaturahim Kenali Kolej Kediaman PKB & Fire Drill**

Majlis ini telah diadakan pada 23 hingga 25 Jun 2014 bertempat di Dewan Jubli Perak dan Perkarangan Pejabat Pentadbiran Kamsis Politeknik Kota Bharu. Objektif program adalah untuk memberi penerangan tentang pengurusan kolej kediaman, penjelasan tentang program-program yang akan dijalankan serta menggalakkan pelajar untuk menyertai program yang dijalankan. Secara amnya, program ini telah memberi impak yang besar kepada pelajar kamsis kerana para pelajar dapat mengenali diantara satu sama lain tidak kira

umur, pangkat mahupun bangsa.Pelajar juga dapat mengetahui sistem yang digunakan seperti i-kamsis serta peraturan –peraturan yang digunakan di dalam Kamsis. Berkaitan dengan keselamatan, aktiviti penerangan dan demonstrasi pencegahan kebakaran telah dilakukan oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat. Disamping itu, pelajar juga mengetahui secara amnya tentang pengurusan yang ada di Kamsis PKB seperti kewujudan kamsis young Entrepreneurship (Ka'Ye) iaitu pelajar yang melibatkan diri dengan keusahawanan di Kamsis.

### Majlis Berbuka Puasa

Majlis Berbuka Puasa telah diadakan pada 11 Julai 2014 bertempat di Rumah Anak Yatim, Machang. Majlis ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman PKB. Di antara objektif program adalah untuk mengeratkan hubungan dikalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Kediaman dan memberi pendedahan kepada pelajar mendekati golongan yang kurang bernasib baik dan menyelami jiwa anak-anak yatim. Program ini dapat mengeratkan hubungan sesama Ahli Jawatankuasa dan anak-anak yatim tersebut. Tergambar wajah keceriaan anak-anak yatim menyambut ketibaan pelajar dan berminat mengikuti program yang dianjurkan. Sesi secara berkumpulan diwujudkan dan anak-anak yatim telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti untuk perkembangan minda dan emosi mereka.

### Kursus Penghayatan Solat

Pada 16 Ogos 2014, bertempat di Dewan Jubli Perak, semua penghuni muslim di Kamsis telah diwajibkan hadir Kursus Penghayatan Solat. Pelajar telah diberi pendedahan tentang cara-cara mengerjakan solat dengan betul. Disamping itu, pelajar juga membuat latihan amali solat yang dikendalikan oleh ustaz yang telah dijemput. Program ini telah memberi impak yang besar kepada pelajar disamping mempelajari ibadah solat, pelajar juga dapat mengenali antara satu sama lain dan dapat memantapkan kewibawaan dalam diri setiap pelajar. Hubungan silaturrahim antara pelajar dan felo serta pihak pengurusan kolej kediaman dapat diwujudkan.

### Lawatan Ke Cameron Highland

Program lawatan ke Cameron Highland telah diadakan pada 18 hingga 20 September 2014. Program lawatan telah dihadiri oleh 36 orang Ahli Jawatankuasa Kolej Kediaman dan diiringi oleh warden yang bertugas. Di antara tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan dan melihat persekitaran kawasan tanaman yang segar dan boleh dijadikan contoh untuk diwujudkan di persekitaran Kamsis. Penghuni juga dapat menimba pengalaman baru di tempat-tempat lain.







# UNIT LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN



Berdasarkan matlamat untuk melahirkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti, pengajaran dan pembelajaran telah menjadi fokus utama bagi Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan. Oleh itu, unit ini bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan latihan-latihan yang diperlukan oleh staf Politeknik Kota Bharu (PKB). Di samping itu, unit ini sentiasa memantau keberkesanan program-program pembangunan sumber manusia yang dijalankan agar dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan di PKB. ULPL memainkan peranan dalam mengkoordinasi dan menganjurkan program pembelajaran sepanjang hayat kepada semua staf akademik dan bukan akademik, melalui pelbagai aktiviti latihan. Dengan kata lain ULPL bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan latihan bagi staf akademik dan bukan akademik Politeknik Kota Bharu, demi memastikan pembangunan kecemerlangan staf dapat dipertingkatkan dengan lebih berkesan.



## Aktiviti

### Kursus Coaching : Pengajaran & Pembelajaran Serta Pentaksiran

Kursus ini telah dianjurkan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan dengan sasaran peserta daripada kakitangan pensyarah PKB seramai 39 orang pyang terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang memangku gred DH 44. Pn. Hajah Azlina dan En Azani, pensyarah di PKB sendiri telah dijemput untuk memberikan ceramah bagi kursus ini pada hari pertama hingga hari ketiga. Kehadiran peserta amat memberangsangkan.

Perjalanan kursus berjalan lancar dengan perlaksanaan aktiviti yang diadakan secara berkumpulan dan santai Kursus ini adalah kursus wajib yang mesti dijalani oleh setiap pensyarah gred DH44. Di akhir kursus ini, semua objektif kursus telah dicapai dengan jayanya. Para peserta dapat berbincang secara terperinci dengan penceramah perkara-perkara berkaitan coaching dan mentoring serta dapat mempraktikkannya dengan membuat beberapa latihan supaya lebih memahaminya secara terperinci.

### Kursus Transformasi Minda Dan Diri

Kursus ini telah dianjurkan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan dengan sasaran peserta daripada kakitangan sokongan Politeknik Kota Bharu seramai 40 orang peserta. Encik Ali bin Mamat telah dijemput untuk memberikan ceramah bagi kursus ini.

Kursus ini telah berjalan selama 2 hari dengan kehadiran peserta yang memberangsangkan. Perjalanan kursus berjalan lancar dengan perlaksanaan aktiviti yang diadakan secara berkumpulan. Pada hari pertama kursus, peserta didedahkan dengan nilai-nilai murni yang sepatutnya ada pada setiap manusia. Pada hari kedua pula, perjalanan kursus lebih kepada aktiviti dalam kumpulan dan pembentangan.

Di akhir kursus ini, semua objektif kursus telah dicapai dengan jayanya. Para peserta mempelajari tentang nilai budaya kerja cemerlang agar dapat diterapkan semasa menjalankan tugas khususnya. Selain itu, kursus ini dapat membantu penyediaan pegawai kea rah minda kelas pertama, berketerampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam apa juga situasi dan tempat.

### Program PPK dan CPCM

Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan PKB juga telah menganjurkan kursus wajib seperti Program Peningkatan Kemahiran (PPK) dan Career Path Compentency Matrix (CPCM) sepanjang tahun 2014. Antara kursus yang telah dijalankan adalah seperti :

- Engaged Learning (CPCM)
- Teknologi Hijau (PPK)
- Neuro Linguastic Programme (PPK)
- Asas Komunikasi (PPK)
- Kursus Pengurusan & Pengoperasian Workshop (PPK)

### Kursus Pengenalan Kakitangan PKB 2014

Kursus ini telah dianjurkan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan khas untuk staf yang baru berpindah ke Politenik Kota Bharu.Ia bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada semua staf baru di PKB mengenai sejarah, dasar, rancangan dan program menuju kecemerlangan PKB.

Selain itu juga kursus ini bertujuan memberi penjelasan tentang sistem pentadbiran, prosedur-prosedur utama, arahan-arahan dan pekeliling serta panduan-panduan persekitaran kerja di PKB. Kursus ini akan dapat memupuk nilai dan etika kerja cemerlang di kalangan semua kakitangan PKB khasnya dan dalam Perkhidmatan Awam amnya.

Kursus ini telah berlangsung selama 2 hari dan disampaikan oleh 6 orang penceramah yang dibahagi mengikut slot masing-masing.

Kursus ini menerapkan konsep perkongsian informasi memandangkan kesemua peserta sudah mempunyai pengalaman di tempat lain sebelum berpindah ke PKB. Kesemua objektif yang ditetapkan telah dicapai dengan baik dengan harapan semua staf baru dapat menyesuaikan diri di PKB dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik sebgai seorang kakitangan awam.

### Time Privatization Sector (TSP)

Program TSP adalah program yang dilaksanakan di luar waktu pengajaran dan pembelajaran agar program yang dirancangkan tidak menjejaskan aktiviti harian di Politeknik. Lebih ramai tenaga kerja mahir dan berkebolehan dapat dilatih dengan menggunakan secara optimum kemudahan yang sedia ada di Politeknik. Program ini telah dijalankan oleh setiap jabatan mengikut bidang dan kemahiran masing – masing. Peserta untuk program-program ini adalah terdiri daripada orang awam yang ingin turut serta. Bayaran pendaftaran dikenakan ke atas setiap peserta. Antara program PSH yang telah dilaksanakan pada tahun 2014 adalah:

- MUET Siri 1&2
- Kursus Kad Hijau CIDB
- UBS Accounting
- Kursus Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
- Automotive troubleshooting technique & methodology
- Catia V5
- SMAW (CS) Plate 3G welder
- Auto CAD 2D & 3D



# UNIT KUALITI & DOKUMENTASI



Unit ini telah diwujudkan pada tahun 2000 dan berada di bawah kelolaan Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) bagi membantu Politeknik Kota Bharu mencapai persijilan ISO 9001:2000. Unit ini diketuai seorang Pegawai Pengurusan Kualiti DH41 dan dibantu oleh beberapa orang ahli jawatankuasa dari jabatan-jabatan akademik yang telah dilantik oleh Pengarah Politeknik Kota Bharu.

**Fungsi**

- Menyedia dan membentangkan Laporan Kajian Semula Pengurusan kepada ahli mesyuarat pengurusan PKB.
- Menjalankan Audit Dalaman organisasi bagi memastikan keakuran PKB terhadap ISO9001:2008.
- Memastikan dokumen-dokumen berkaitan ISO adalah terkini dan selaras dengan keperluan dan dasar semasa.
- Menguruskan sistem aduan pelanggan di PKB.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti berkaitan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).
- Menyediakan laporan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) dan Pelan Integriti Nasional (PIN) peringkat PKB.
- Memantau aktiviti War Room PKB.
- Mengumpulkan maklumat dan melaporkan pencapaian PKB di dalam polyPMO.
- Menjadi urusetia kepada Pasukan Audit Dalaman PKB.
- Menjadi perantara di antara pihak SIRIM dan PKB terutamanya bagi urusan pengauditan dan persijilan.



Bengkel Editor Pindaan Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2008 telah diadakan pada 12, 14 dan 15 Mei 2014 bertempat di Bilik Baiduri PKB. Bengkel ini diadakan bagi melaksanakan proses editing ke atas prosedur sistem kualiti yang perlu dibuat pindaan. Peserta kursus adalah dari kalangan Pegawai Pengurusan Kualiti, Pegawai Dokumen, Pegawai Maklumbalas Pelanggan, Setiausaha Kerja Kualiti, Ketua Juruaudit ISO, Setiausaha Pasukan Audit Dalaman ISO dan Pegawai Kualiti JPA.

**Bengkel Visualisation Assisted Teaching Aids (VATA)**

Bengkel Visualisation Assisted Teaching Aid (VATA) yang dianjurkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Kampus Perak & Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) telah dilaksanakan pada 19 dan 20 Mei 2014 (Isnin & Selasa). Aktiviti ini dikendalikan oleh pihak UPSI iaitu Profesor Dr. Rosli Bin Jaafar dan dibantu oleh 4 orang Fasilitator, bersama Pemudahcara wakil JPP iaitu En Sharifuddin Kumar Bin Abdullah. Bengkel ini merupakan satu projek pemindahan ilmu yang dibiayai oleh Kementerian, dan merupakan satu aktiviti jalinan hubungan kerjasama UPSI – POLITEKNIK/ JPP, dan dikelolakan oleh Unit Kualiti, PKB. Objektif bengkel ini adalah meningkatkan kualiti penyampaian ilmu tenaga pengajar di PKB, dengan membangunkan projek inovasi berdasarkan kepada silibus P&P masing-masing.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh En. Norkamal Bin Jaafar (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Pusat Penyelidikan Dan Pembangunan Politeknik). Seramai 20 orang peserta terdiri daripada para pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Matematik, Sains & Komputer. Projek inovasi yang terhasil adalah seperti; Proses Mendiri Siap Theodolit (JKA), Shear Force and Bending Moment (JKM), Pengujian Komponen dan Litar Elektronik Menggunakan Multimeter/ Test Pen (JKE) dan Prinsip Archemedes (JMSK). Projek inovasi mereka telah dibentangkan kepada Panel UPSI dan JPP. Sijil dikeluarkan oleh pihak UPSI atas penyertaan dan projek inovasi.

Usaha ini dilakukan bagi memastikan tenaga pengajar berjaya memperoleh peningkatan ilmu dalam proses P&P bidang pengkhususan masing-masing. Program ini diadakan bagi membekalkan tenaga pengajar dengan kemahiran teknologi yang mereka perlukan dalam kelas/ P&P mereka, selaras dengan keperluan dan kehendak MQA iaitu ilmu P&P diperteguhkan dengan kepelbagaian kaedah agar OBE tercapai.

**Projek Kitar Semula**

Pada 25 – 29 Mei 2014, Unit Kualiti dan Dokumentasi telah mengadakan satu aktiviti Projek Kitar Semula Zon Kemuning bersempena dengan Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S. Pelajar-pelajar dijemput untuk mengambil bahagian dalam aktiviti ini. Objektif utama aktiviti ini diadakan supaya bahan-bahan yang disisih dapat diguna semula untuk mengelakkan pembaziran. Maka terhasillah produk kitar semula yang berguna sama ada sebagai cenderamata atau barang kegunaan harian. Secara tidak langsung, pelajar didedahkan dengan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S yang sedang giat dijalankan di PKB.

**Lawatan Penandarasan MQA dan OBE Politeknik Jeli Kelantan**

Lawatan Penandarasan MQA dan OBE Politeknik Jeli Kelantan (PJK) pada 10 Jun 2014 (Selasa) merupakan lawatan kerja ahli organisasi sealiran. Lawatan bertujuan untuk melihat kaedah perlaksanaan P&P berasaskan OBE yang digunapakai oleh pensyarah PKB, meninjau cara penyimpanan dan pendokumentasian rekod-rekod keperluan dan kehendak MQA, di samping memudahkan urusan berkaitan penambahbaikan amalan baik penyampaian kurikulum dan penilaian pelajar. Lawatan kerja ini berjaya melalui proses bertukar-tukar informasi berkaitan dengan perlaksanaan MQA dan OBE yang sesuai, di samping membentuk hubungan dan jalinan silaturrahim berkekalan antara PJK dan PKB, ke arah bekerjasama dalam memastikan kualiti program yang ditawarkan sentiasa terjamin. Pembentangan oleh Pn. Noriah Abdullah meliputi sejarah perlaksanaan aktiviti OBE oleh PKB berdasarkan keperluan dan kehendak MQA. Semua bukti bergambar telah dirujuk kepada 'area' yang ada, tersusun mengikut COPPA, meliputi 11 PLO dan 9 LD (Learning Domain). Pembentangan i-exam oleh En Azmi Ayub melibatkan beberapa item dalam i-spmp seperti i-help, i-upli dan i-daftar. Soal-jawab berlaku bagi memberikan impak keberkesanan pemahaman tentang praktikal pengisian markah penilaian. Seterusnya, lawatan kerja juga dibuat ke ruang kerja pensyarah iaitu khasnya ke Bilik Operasi JKM.

Rombongan PJK berpeluang meninjau cara penyimpanan dan pendokumentasian rekod-rekod keperluan dan kehendak MQA, antaranya melibatkan FRP dan dulang-dulang MQA. Penerangan diberikan oleh Petugas PKB, bagi semua pertanyaan yang dikemukakan berkaitan FRP dan dulang-dulang MQA.

Kerjasama yang diberikan oleh barisan ahli PKB sangat dibanggakan. Objektif program dapat dicapai dengan berkesan sekali. Lawatan PJK ini dikesan mencapai objektifnya, mudahan menjadi input bantuan kepada PJK, selain menjadi panduan bersama ke arah membantu memperteguhkan perlaksanaan program pengajian di PKB dan PJK.

**Lawatan Penandarasan 5S oleh ILP Pengkalan Chepa**

Rombongan 5S ILP Pengkalan Chepa telah hadir mengadakan lawatan penandarasan ke Politeknik Kota Bharu pada 11 Jun 2014. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendapatkan panduan berkesan yang diamalkan PKB, bagi tujuan ILP mendapatkan persijilan semula dalam tahun ini. Selainnya, tujuan lawatan ini adalah bagi mendekati budaya pelaksanaan 5S di PKB serta berkongsi pengalaman dalam melaksanakan sistem pengurusan persekitaran yang selesa, berkualiti dan kondusif. Lawatan juga turut bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara ILP Pengkalan Chepa dan Politeknik Kota Bharu di mana kedua-duanya adalah institusi latihan kemahiran yang membudayakan amalan 5S. Dengan lawatan tersebut, ILP Pengkalan Chepa berharap segala ilmu yang ada dapat dikongsi untuk kecemerlangan bersama.

Daripada hasil lawatan yang telah diperolehi, dapat disimpulkan bahawa PKB patut mencontohinya; usaha membudayakan amalan memerlukan kerja keras berterusan bagi mendapatkan persijilan 5S, dan komitmen jitu daripada setiap peringkat telah memberikan kejayaan dalam usaha mendapat persijilan 5S tersebut. Hasil perkongsian ilmu juga melahirkan banyak idea telah diperolehi dan dapat dilaksanakan di PKB hasil daripada lawatan ini. Secara keseluruhannya, lawatan ini amat membantu dari segi pemahaman lanjutan tentang QE/5S di mana perlunya menunjukkan impak dalam situasi tempat kerja masing-masing kelak. Keberkesanan amalan dan penambahbaikan kekangan boleh dilaksanakan dengan penuh sistematik.

**Lawatan Penandarasan 5S ke Politeknik Kuala Terengganu**

Rombongan 5S PKB telah mengadakan lawatan penandarasan SUSUN, SERAGAM & SENTIASA AMAL ke Politeknik Kuala Terengganu (PKT) pada 21 Ogos 2014. Ketibaan rombongan telah disambut oleh Jawatankuasa 5S PKT.

Tujuan lawatan ini adalah untuk mendapatkan panduan berkesan yang diamalkan PKT, mendekati budaya pelaksanaan 5S di PKT serta berkongsi pengalaman dalam melaksanakan sistem pengurusan persekitaran yang selesa, berkualiti dan kondusif. Lawatan juga turut bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara PKB dan PKT, berharap segala ilmu yang ada dapat dikongsi untuk kecemerlangan bersama. PKB amat berharap agar dapat mewujudkan suasana dan persekitaran yang selesa, bersih, kemas dan bersistematik agar dapat menghasilkan mutu perkhidmatan yang lebih cemerlang dan berkualiti.

**Pra Audit Persekitaran Berkualiti 5S**

Politeknik kota Bharu telah mengadakan Pra Audit Persekitaran Berkualiti 5S pada 2 Oktober 2014. Juruaudit yang ditugaskan ialah En Mahadi bin Hasbullah dari Malaysia Productivity Corporation (MPC). Tujuan pra audit diadakan adalah untuk melihat sejauh mana PKB bersedia dalam menghadapi Audit Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S yang sebenarnya pada bulan November 2014.

Beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan oleh setiap zon yang melibatkan dokumentasi dan fizikal sebelum tibanya hari pengauditan yang sebenar. Di antara dapatan dari proses pra audit ini adalah dari segi dokumentasi seperti carta perbatuan, pelan lantai, minit mesyuarat dan juga gambar aktiviti 5S sebelum dan selepas. Dari segi fizikal pula termasuklah pelabelan, penyelenggaraan aset-aset pelupusan aset dan fail tutup serta maklumat-maklumat di Sudut 5S. Secara keseluruhannya, PKB telah disyorkan untuk mendapat pensijilan sekiranya semua cadangan penambahbaikan telah dilaksanakan dan dibuat penambahbaikan.



**Bengkel Penyediaan Fail 5S Zon**

Satu bengkel Penyediaan Fail 5S untuk setiap zon di PKB telah diadakan pada 8 Oktober 2014 bertempat di Bilik Baiduri. Bengkel ini dihadiri seramai 20 orang kakitangan PKB yang terdiri daripada Ketua Zon dan Setiausaha Zon 5S. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk melengkapkan dan menambahbaik kandungan fail zon mengikut ketetapan pihak MPC melalui proses Pra Audit Pensijilan Amalan Berkualiti 5S pada 2 Oktober 2014 lalu. Perancangan telah dibuat untuk mewujudkan keseragaman kandungan fail zon yang lebih sistematik.

**Persijilan 5S oleh MPC**

Pada 17 November 2014, Politeknik Kota Bharu telah melalui proses audit Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S. Juruaudit yang menjalankan proses pengauditan ialah Pn. Noor Ain binti Mohd. Badruddin dari Malaysia Productivity Corporation (MPC). Sesi audit yang berlangsung selama sehari telah berjaya membuktikan bahawa PKB mengamalkan pembudayaan amalan persekitaran yang berkualiti. Juruaudit memberi komen yang positif berkaitan persekitaran PKB yang bersih, selamat, selesa dan produktif. Juruaudit telah memilih beberapa fail zon (dokumentasi) dan zon-zon (fizikal) untuk dipantau.

Tahniah diucapkan kepada semua warga PKB yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan Audit Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S.

"Be a yardstick of quality.
Some people aren't used
to an environment
where excellence is expected"
- Steve Jobs



# UNIT PSIKOLOGI & KERJAYA



Unit Psikologi & Kerjaya adalah merupakan sebuah unit yang menjalankan perkhidmatan berteraskan tiga aspek penting dalam pembangunan manusia iaitu mental, fizikal dan emosi. Unit ini merupakan unit sokongan akademik yang berperanan dalam membantu membentuk pembangunan insaniah, menyediakan perkhidmatan berfokus kepada Psikologikal, Kaunseling dan Kerjaya warga Politeknik Kota Bharu, khususnya para pelajar dan kakitangan.

### Visi

Menyediakan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang berlandaskan prinsip-prinsip psikologi untuk klien yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan Politeknik Kota Bharu.

### Misi

Berusaha untuk memberikan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang profesional bagi meningkatkan psikologi klien melalui program Pengembangan, Pencegahan dan Pemulihan.

### Perkhidmatan yang Ditawarkan

- Bimbingan dan Kaunseling Individu (untuk pelajar dan kakitangan Politeknik Kota Bharu)
- Bimbingan dan Kaunseling Kelompok (untuk pelajar dan kakitangan Politeknik Kota Bharu)
- Ceramah / Bengkel / Seminar Psikologi & Kerjaya
- Khidmat nasihat kerjaya
- Pengujian dan penaksiran Psikologi
- Taklimat kerjaya dan promosi Politeknik di sekolah-sekolah sekitar negeri Kelantan
- Aktiviti Kelab Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Kota Bharu

### Aktiviti

| Bil. | Nama Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | Seminar Pembentukan Kerjaya & Peluang Menyambung Pengajian di UTHM | 17 Februari 2014 | Dewan Al-Ghazali, PKB |
| 2. | Seminar Untukmu Wanita | 27 Mac 2014 | Dewan Jubli Perak, PKB |
| 3. | Kursus Induksi Oil & Gas, Bahasa Inggeris dan Softskill | 26 – 28 April 2014 | Dewan Al-Ghazali |
| 4. | Profiling Test | 24 – 27 Ogos 2014 | Dewan Al-Ghazali, PKB |
| 5. | Seminar Kerjaya – Career preparation Workshop | 11 September 2014 | Dewan Al-Ghazali, PKB |
| 6. | Sukaneka Kelab PRS | 11 Oktober 2014 | Padang PKB |
| 7. | Program Pengantarabangsaan kelab Pembimbing Rakan Siswa ke Singapura | 24 – 27 Nov 2014 | Singapura |

### Outreach

| Bil. | Nama Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 8. | Program Outreach Ke SMK Kota | 18 Mac 2014 | SMK Kota |
| 9. | Lawatan Sambil Belajar SMS Machang | 19 Mac 2014 | Politeknik Kota Bharu |
| 10. | Lawatan Belajar SMK Sungai Pinang | 28 April 2014 | Politeknik Kota Bharu |
| 11. | Pameran Pendidikan & Kerjaya Sempena Program Karnival Edu-Ria | 29 April 2014 | SMK Chabang Empat, Tumpat |
| 12. | Pameran Kerjaya SMK Gaal | 30 April 2014 | SMK Gaal |
| 13. | Lawatan Kerjaya & Hala Tuju Pelajar Ting 5 | 5 Mei 2014 | Politeknik Kota Bharu |
| 14. | Pesta Ko Kurikulum SMK Zainab 2 2014 | 25 Mei 2014 | SMK Zainab 2 |
| 15. | Hari Ko-Kurikulum, Kerjaya & Keusahawanan SMK Jias Tahun 2014 | 26 Mei 2014 | SMK Jias Pasir Mas |
| 16. | Hari Koperasi SMK Kok Lanas | 18 Jun 2014 | Padang SMK Kok Lanas |
| 17. | Lawatan Rangsangan Pelajar SPM SMK Bachok 2014 | 19 Jun 2014 | Politeknik Kota Bharu |
| 18. | Pameran Program Pendidikan Kerjaya & Hari Koperasi Sekolah | 22 Jun 2014 | Dewan Temenggong, SMK Tumpat |
| 19. | Lawatan Sambil Belajar SMK Tanah Merah | 25 Jun 2014 | Politeknik Kota Bharu |
| 20. | Lawatan Sambil Belajar SMK Putri Saadong | 12 Ogos 2014 | Politeknik Kota Bharu |
| 21. | Lawatan Sambil Belajar SMK Jeli | 21 Ogos 2014 | Politeknik Kota Bharu |
| 22. | Lawatan Sambil Belajar SMK Chalok Model Khas, Jerteh, Terengganu | 24 September 2014 | Politeknik Kota Bharu |
| 23. | PKB Innotex 2014 | 30 Sept 2014 & 1 Okt 2014 | Politeknik Kota Bharu |










# UNIT KEUSAHAWANAN



Unit Keusahawanan merupakan sebuah unit yang bertanggungjawab untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di Politeknik. Dengan merujuk kepada Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), matlamat utama adalah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan; dan melahirkan lebih ramai lagi usahawan siswazah yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status Negara Maju Menjelang 2020. Sehubungan itu, usaha dan inisiatif untuk menerapkan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar dibahagikan kepada tiga (3) komponen utama iaitu komponen kesedaran (awareness), pembudayaan dan pengukuhan.

Tahun 2014 merupakan antara tahun terbaik Unit Keusahawanan kerana telah merangkul kejuaraan dalam 3 kategori anugerah semasa Polytechnic Entrepreneurship Awards 2014 (PEA 2014). Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 20 September 2014 bertempat di Hotel Equotorial, Melaka. Politeknik Kota Bharu telah dinobatkan sebagai Politeknik Terbaik Dalam Keusahawanan dan bagi kategori Anugerah Unit Keusahawanan Politeknik Terbaik Politeknik Kota Bharu telah mendapat tempat ke-3. Manakala pelajar daripada Program Diploma Pengurusan Perniagaan iaitu Saudari Nur Shamimi bt Shamsudin telah mendapat tempat ke-3 sebagai Usahawan Kampus Politeknik Terbaik.

## Matlamat

Melahirkan modal insan yang mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan serta melahirkan lebih ramai lagi usahawan siswazah ataupun graduate entrepreneurs.

## Fungsi Unit Keusahawanan

- Bertanggungjawab merancang dan melaksana aktiviti keusahawanan politeknik
- Bertanggungjawab membina kolaborasi dengan institusi tempatan dan swasta yang menjalankan program keusahawanan
- Bertanggungjawab menjalankan program khidmat runding cara dalam menjalankan aktiviti keusahawanan kepada pelajar dan graduan yang memerlukan
- Bertanggungjawab mengenalpasti pelajar yang berpotensi keusahawanan dan membudayakan keusahawanan di kalangan pelajar
- Bertanggungjawab membuat kajian pengesanan terhadap pelajar dan graduan yang telah mengikuti program keusahawanan

## Aktiviti

### Gerai Keusahawanan Sempena Majlis Konvokesyen Ke-27

Pada bulan Mac 2014, satu program telah diadakan bersempena dengan Majlis Konvokesyen kali Ke-27. Program ini berlangsung pada 10 Mac sehingga 13 Mac 2014 bertempat di hadapan Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu (PKB). Program ini menjadi platform kepada pelajar mempraktikkan pengetahuan keusahawanan melalui aktiviti jualan yang dilaksanakan sepanjang program berlangsung. Ia juga bertujuan melatih para pelajar untuk menggunakan communication skill yang berkesan ketika berkomunikasi dengan orang ramai. Antara barangan yang dijual di gerai-gerai keusahawanan ialah makanan, minuman, cenderahati, pakaian dan lain-lain.

### Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik Malaysia (K3PM) 2014

Karnival yang bertemakan "2014 PERKASAKAN KEUSAHAWANAN POLITEKNIK" merupakan program tahunan Politeknik yang dianjurkan bagi memperkasakan pembangunan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Pada tahun ini, program anjuran bersama oleh Pusat Keusahawanan Politeknik Malaysia (MPEC) dan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) berlangsung pada 14 Mac hingga 16 Mac 2014 di PTSB. Politeknik Kota Bharu telah menghantar seramai 18 orang peserta. Antara pertandingan yang dianjurkan pada karnival kali ini ialah Paintball, Street Soccer, Kuiz Keusahawanan, Tatarias Makan Malam dan Memasak Karnival Keusahawanan.

### Program Pembudayaan Keusahawanan Pelajar (Baru dan Senior) PKB Sesi Jun 2014

Program yang berlangsung pada 30 Jun dan 1 Julai 2014 ini disertai oleh 1277 orang pelajar dan bertempat di Dewan Jubli Perak, PKB. Program ini bertujuan untuk memberikan kesedaran dan menerapkan unsur

keusahawanan kepada pelajar PKB melalui sesi ceramah dan perkongsian pengalaman usahawan muda dari syarikat One XOX Sdn. Bhd. yang telah berjaya membangunkan perniagaan bidang telekomunikasi. Program ini diharap dapat menjadi platform kepada pelajar bagi mempraktikkan pengetahuan keusahawanan melalui aktiviti jualan yang dilaksanakan sepanjang program berlangsung.

### Program Karnival Boxing Raya 2014

Karnival Boxing Raya ini dianjurkan adalah untuk menyediakan platform kepada pelajar, pensyarah, kelab-kelab atau persatuan bagi mempromosikan produk jualan sempena Hari Raya Aidil Fitri yang lalu. Program ini telah berlangsung daripada 14 Julai sehingga 24 Julai 2014 bertempat di Pusat Aktiviti Pelajar (Student Centre), PKB. Program ini telah dianjurkan oleh Unit Keusahawanan, PKB dengan kerjasama Teraju Network Enterprise, AA Poly Marketing, Poly Bakery Enterprise, MPP PKB dan Persatuan-Persatuan Pelajar PKB. Program ini dapat mewujudkan peluang kepada pelajar untuk berniaga dan merasai atau mengalami suasana sebenar dunia keusahawanan.

### Program Entrepreneurace PKB Sesi Jun 2014

Program yang berlangsung pada 1 Julai sehingga 31 Ogos 2014 ini telah disertai oleh 38 orang pelajar. Program yang telah dianjurkan oleh Unit Keusahawanan, PKB ini bertempat di Kampus PKB dan bertujuan untuk memberikan kesedaran dan menerapkan unsur keusahawanan kepada pelajar PKB melalui sesi ceramah dan perkongsian pengalaman usahawan muda dari syarikat One XOX Sdn Bhd. Antara objektif program ini ialah untuk menyuntik minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan semasa belajar sebagai persiapan apabila tamat pengajian di PKB.

### Bengkel Pemasangan CCTV dan Sistem Penggera

Pada 24 September hingga 26 September 2014, satu bengkel telah diadakan di Bengkel Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Kota Bharu (PKB). Program ini melibatkan 30 orang pelajar PKB dan WBWJ Enterprise. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar mengenai peluang menjana pendapatan melalui keusahawanan. Antara keberkesanan program ini ialah domain pengetahuan, domain kemahiran praktikal, domain kemahiran tanggungjawab sosial, domain kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, dan domain pengurusan dan keusahawanan.

### Aktiviti Lain

- Kongres Usahawan Muda Bumiputera 2014 (17 Jan 2014)
- Delegasi Akademik & Keusahawanan Jakarta/Bandung, Indonesia 2014 (16 – 21 Feb 2014)
- Bengkel Pengurusan Simpankira Untuk Penasihat Perniagaan Pelajar di Kios dan Inkubator PKB (19 Feb 2014)
- Kelantan International Halal Food Expo 2014 (25 Feb – 1 Mac 2014)
- Pameran SMIDEX 2014 (4 – 6 Jun 2014)
- Seminar Bioteknologi Sempena Karnival Bio-Kelantan 2014 – Persidangan dan Pameran (19 – 21 Jun 2014)
- Ekspo Tani Negeri Kelantan (Ekspo Tani Kelantan) Tahun 2014 (3 – 7 Sep 2014)
- Program Gerak Usahawan dan Entrepreneurship Race Politeknik Malaysia KPM 2014 (5 – 7 Sep 2014)
- Majlis Anugerah Keusahawanan Politeknik (PEA) 2014 (20 Sep 2014)
- Karnival Kerjaya & Keusahawanan Graduan (K3G) 2014 (26 – 29 Sep 2014)
- Kursus Penghasilan Baja (13 – 14 Okt 2014)
- Kursus Menternak Lebah Kelulut (15 – 16 Okt 2014)
- Pertandingan Catur Bistari (1 Nov 2014)






















# UNIT SUKAN



- A **KE TIGA** Liga Bolasepak IPT 2014
- B **KE TIGA** Grand Finale Liga Bolasepak IPT 2014
- C **JOHAN** Grand Finale Poly Cup 2014
- D **JOHAN KESELURUHAN** Karnival Sukan MSP 2014
- E **KE TIGA** Kejohanan Futsal IPT KPM 2014 (Zon Utara)
- F **KE TIGA** Kejohanan Futsal Politeknik 2014
- G **JOHAN** Kejohanan Futsal IPT KPM 2014 (Zon Sabah)
- H **NAIB JOHAN** Kejohanan Bola Jaring MSP 2014
- I **JOHAN KESELURUHAN** Kejohanan Petanque MSP 2014
- J **JOHAN BERGU LELAKI** Grand Finale Kejohanan Petanque IPT 2014
- K **NAIB JOHAN** Kejohanan Futsal Terbuka Cahaya Futsal Kok Lanas
- L **JOHAN BERGU WANITA, NAIB JOHAN BERGU LELAKI** Kejohanan Badminton Politeknik 2014 (Sirkit 1)



# PENTADBIRAN





Objektif Unit Pentadbiran Perkhidmatan dan Kewangan adalah untuk memberi perkhidmatan dalam urusan pentadbiran, kewangan perkhidmatan, perhubungan & keselamatan yang cekap dan berkualiti, menyelaras perjalanan Organisasi dan aktiviti lain Politeknik di dalam menjayakan matlamat jabatan selaras dengan dasar kementerian Pendidikan Malaysia, dan mengamalkan Prinsip Etika Kerja seperti yang dijalankan dan diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Unit ini berperanan dalam menguruskan kerja-kerja yang berkaitan dengan hal-hal perkhidmatan seperti terkandung dalam arahan perkhidmatan dan garis panduan yang tepat dan betul serta terkini mengikut Perintah Am Bab A – Bab G, menyediakan Panduan Pengurusan Pejabat, Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor, Surat-Surat Pekeliling dan Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan sebagai panduan dan menyokong segala kerja yang dijalankan dari masa ke semasa. Unit ini juga menjalan kerja-kerja berkaitan kewangan seperti mengurus kerja-kerja yang berkaitan dengan kewangan seperti yang terkandung dalam garis panduan yang telah ditetapkan dalam Perkhidmatan Awam Malaysia, Akta Acara Kewangan, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Surat-Surat Pekeliling dan Pekeliling-Pekeliling Kewangan sebagai panduan dalam proses menjalankan dalam mengawal perbelanjaan dan bertepatan dengan kaedah piawaian yang dikehendaki oleh sesebuah organisasi selaras dengan tujuan atau mencapai maksud Perbendaharaan Malaysia dan mengikut pelarasan dalam semua institusi Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Aktiviti**

Lawatan Penandarasan ke Politeknik Sultanah Bahiyah Kulim Kedah dan Kolej Komuniti Langkawi telah diadakan pada 26 hingga 28 Februari 2014.





# DATA & STATISTIK

### Enrolmen Pelajar 2014

| | Sesi Jun 2014 | | Sesi Disember 2014 | |
|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| **Jabatan Kejuruteraan Awam** | | | | |
| Diploma Kejuruteraan Awam | 581 | 396 | 563 | 405 |
| Diploma Ukur Bahan | 244 | 301 | 230 | 274 |
| **Jumlah** | **825** | **697** | **793** | **679** |
| **Jabatan Kejuruteraan Elektrik** | | | | |
| Diploma Kejuruteraan Elektrik | 480 | 76 | 505 | 73 |
| Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik | 507 | 100 | 518 | 103 |
| Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) | 167 | 151 | 129 | 136 |
| **Jumlah** | **1161** | **327** | **1152** | **312** |
| **Jabatan Kejuruteraan Mekanikal** | | | | |
| Diploma Kejuruteraan Mekanikal | 461 | 81 | 423 | 68 |
| Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) | 618 | 20 | 585 | 19 |
| Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pertanian) | 263 | 156 | 248 | 157 |
| Diploma Kejuruteraan Mekatronik | 101 | 44 | 86 | 43 |
| **Jumlah** | **1443** | **301** | **1342** | **287** |
| **Jabatan Perdagangan** | | | | |
| Diploma Akauntansi | 142 | 537 | 150 | 568 |
| Diploma Pemasaran | 39 | 201 | 55 | 246 |
| Diploma Pengajian Perniagaan | 117 | 399 | 154 | 433 |
| **Jumlah** | **298** | **1137** | **359** | **1247** |
| **Jabatan Matematik & Sains Komputer** | | | | |
| Pra Diploma Sains | - | - | 24 | 17 |
| **Jumlah** | | | **24** | **17** |
| **Jumlah Keseluruhan** | **3727** | **2462** | **3670** | **2542** |
| | 6189 | | 6212 | |

Disediakan oleh : Jabatan Hal Ehwal Pelajar. PKB

### Keputusan Peperiksaan Akhir Sesi Disember 2013

| | Lulus | | Gagal |
|---|---|---|---|
| | Kedudukan Baik | Kedudukan Bersyarat | |
| Jabatan Kejuruteraan Awam | 1517 | 22 | 17 |
| Jabatan Kejuruteraan Elektrik | 1302 | 15 | 9 |
| Jabatan Kejuruteraan Mekanikal | 1611 | 5 | 31 |
| Jabatan Perdagangan | 1317 | 13 | 6 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **5747** | **55** | **63** |

### Keputusan Peperiksaan Akhir Sesi Jun 2014

| | Lulus | | Gagal |
|---|---|---|---|
| | Kedudukan Baik | Kedudukan Bersyarat | |
| Jabatan Kejuruteraan Awam | 1468 | 29 | 20 |
| Jabatan Kejuruteraan Elektrik | 1414 | 52 | 25 |
| Jabatan Kejuruteraan Mekanikal | 1537 | 53 | 28 |
| Jabatan Perdagangan | 1394 | 33 | 19 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **5813** | **167** | **92** |

Disediakan oleh Unit Peperiksaan

### Perjawatan 2014

**a. Jumlah Kakitangan**

| Jawatan | Jumlah |
|---|---|
| Pengurusan & Pentadbiran | 57 |
| Akademik (Pensyarah) | 429 |
| Sokongan | 120 |
| **Jumlah** | **605** |

**b. Jumlah Pegawai**

| Jawatan | Jumlah |
|---|---|
| Pengurusan & Pentadbiran | 17 |
| Ketua Jabatan | 7 |
| Ketua Program | 20 |
| Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi | 440 |
| **Jumlah** | **484** |

Disediakan oleh Unit Pentadbiran



## Latihan Staf 2014

a. **Bilangan Peserta Mengikut Kategori Kursus**




b. **Bilangan Peserta Mengikut Bidang Kursus**




Disediakan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan PKB

## Penggunaan Perpustakaan

| Bulan | Penggunaan Perpustakaan | Pinjaman | Pembaharuan | PenggunaanWeb Opac |
|---|---|---|---|---|
| Jan | 18670 | 381 | 109 | 171 |
| Feb | 13657 | 302 | 68 | 230 |
| Mac | 24694 | 257 | 57 | 193 |
| Apr | 15605 | 102 | 47 | 206 |
| Mei | 7291 | 26 | 37 | 134 |
| Jun | 22499 | 247 | 23 | 185 |
| Jul | 25336 | 342 | 48 | 113 |
| Ogos | 21232 | 221 | 47 | 79 |
| Sept | 36177 | 176 | 63 | 106 |
| Okt | 21742 | 136 | 35 | 90 |
| Nov | 6075 | 49 | 23 | 75 |
| Dis | 14322 | 258 | 81 | 121 |
| **Jumlah** | **227,300** | **2,497** | **638** | **1,703** |

Disediakan oleh Perpustakaan

"You will never do anything
in this world
without courage.
It is the greatest quality
of the mind
next to honor."

- Aristotle



# KONVOKESYEN 2014




Majlis Konvokesyen ke 27 Politeknik Kota Bharu yang berlangsung pada 10 MAC 2013 hingga 13 MAC 2013 bertemakan "Segalanya Bermula di PKB…". Pemasyhuran Majlis Konvokesyen ke 27 oleh Pengarah PKB, Mejar (K) Hj. Noor Azahan Bin Othman. Terdapat empat sidang sepanjang Majlis ini berlangsung yang dimulakan dengan Sidang 1 adalah Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) pada 10 Mac 2014 (Isnin) yang disampaikan oleh Y.B. Datuk Hj. Mohd Alwi Bin Che Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Kok Lanas, Kelantan. Manakala Sidang 2 adalah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) pada 11 Mac 2014 (Selasa) yang disampaikan oleh Y.Bhg. Datuk Haji Mohlis Bin Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya Sidang 3 adalah Jabatan Perdagangan (JP) pada 12 Mac 2014 (Rabu) yang disampaikan oleh Datuk Mohd Nawawi Bin Ismail, Pengarah Eksekutif Innoserangkai Group. Majlis Konvokesyen kali ini berakhir dengan Sidang 4 iaitu Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) pada 13 Mac 2014 (Khamis) yang disampaikan oleh Y.Brs. Dr. Hj Ahmad Jailani Bin Muhamed Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Penyiaran Strategik) Jabatan Penyiaran Malaysia, Kementerian Konunikasi & Multimedia Malaysia. Pelbagai acara di luar dewan diadakan untuk memeriahkan lagi majlis ini seperti gerai-gerai jualan keusahawanan yang dikendalikan oleh para pelajar Politeknik Kota Bharu, peniaga-peniaga luar dan syarikat-syarikat tempatan.





















# Facebook dan WhatApps medium penyampai maklumat di PKB

KOTA BHARU 21 Jan. - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Kota Bharu (PKB) menjadikan laman sosial Facebook sebagai medium perantaraan dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar di pusat pengajian tinggi itu.

Penasihatnya, Mohd. Shaiful Azhar Jaafar berkata, pendekatan tersebut memudahkan proses penyampaian maklumat oleh pihaknya kerana kebanyakan pelajar mempunyai akaun laman sosial itu.

'Penggunaan Facebook ini juga mempercepatkan proses perkongsian maklumat kerana ia boleh diakses secara cepat melalui telefon bimbit yang mempunyai internet," katanya dalam majlis Penutup Kursus Pengurusan Organisasi di Dewan Jubli Perak, PKB, di sini sema...

Seramai 100 pelaja... daripada ahli majlis ... satuan, kelab dan M... nyertai kursus berken...

Mohd. Shaiful berk... juga akan mengguna... 'WhatApps' untuk me... gi sistem perhubunga... langan pimpinan bada...




SEBAHAGIAN daripada ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PKB yang menyertai Kursus Pengurusan Organisas... kenangan di Dewan Jubli Perak, PKB, Kota Bharu, kelmarin.

# Sukarelawan PKB, JKM bantu ibu tunggal

KUALA KRAI 21 Jan. - Politeknik Kota Bharu (PKB) terus memperkasakan sukarelawannya dengan ilmu kemahiran menerusi pelbagai program bagi memastikan pasukan berkenaan sentiasa bersiap sedia untuk digerakkan pada bila-bila masa.

Terbaharu, seramai 15 sukarelawan PKB bergabung tenaga dengan sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kuala Krai bergotong-royong membersih dan menceriakan rumah seorang ibu tunggal, Zuraini Yusoff, 34, di Kampung Chucuh Puteri di sini.

Penyelaras program tersebut, Wan Zuhari Wan Ismail berkata, sepanjang gotong-royong itu, semua sukarelawan tersebut didedahkan dengan pelbagai kemahiran termasuk aspek komunikasi.

"Kebanyakan sukarelawan yang menyertai program ini terdiri daripada pelajar baharu dan tidak mempunyai banyak pengalaman berkaitan dengan bidang ini.

"Namun, kita cukup bertuah, apabila pihak JKM sudi berkongsi ilmu dan bertukar-tukar pendapat berkaitan dengan bidang sukarelawan ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tambahnya, perkongsian tersebut sedikit sebanyak ... lagi tahap kemahiran ... ngan sukarelawan PK...

Wan Zuhari mem... tara program yang d... lam gotong-royong te... mengecat dan memb... sekitaran kawasan ru... an.

"Diharapkan bant... berikan ini mampu m... nar baharu kepada ke... naan," ujarnya.

Sementara itu, Zu... kerana rumahnya terp... nerima bantuan dari... PKB dan JKM Kuala K...





Makhtar (dua dari kanan) ... Noor Azahan (kiri) ... penerangan mengenai hasil reka cipta oleh pelajar PKB sempena INNOTEX.

INFO

Penyertaan ja... pengajian PK... INNOTEX

- Jabatan Kej... Mekanikal ...
- Jabatan Kej... Elektrik - ... projek
- Jabatan Pe... enam projek
- Jabatan Kej... Awam - tu...
- Jabatan Pe... tiga projek

» Cipta alat keluarkan kenderaan terbenam dalam lumpur, Bergeri

# Inovasi Politeknik Kota Bharu



... dinobatkan sebagai projek pelajar tahun akhir te...

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

» Kota Bharu

Peralatan mengeluarkan kenderaan yang terbenam dalam lumpur, Bergeri, terpilih sebagai projek pelajar tahun akhir terbaik sempena Pameran Inovasi dan Teknologi (INNOTEX) Politeknik Kota Bharu (PKB).

Reka cipta itu dihasilkan oleh gandingan pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Amrul Hakim Mohd Azahar dan Nik Mohamad Shahfizol Che Abdullah.

Tempat kedua dimenangi pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam menerusi produk daripada buluh playwood sementara minuman kesihatan berasaskan buah asam gelugur yang dihasilkan oleh pelajar Jabatan Perdagangan menduduki tempat ketiga.

Pelancaran program itu disempurnakan oleh Pengarah PKB, Noor Azahan Othman, di sini, baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, Datuk Makhtar Mustapha, menyempurnakan majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah.

**Lima jabatan terbabit**

Sebanyak 80 projek pelajar terbaik dari lima jabatan pengajian dipamerkan sempena program ...

Perkongsian hasil reka cipta dan inovasi itu diharap mampu memberi pendedahan meluas mengenai kebolehan dan kemahiran pelajar PKB khususnya dalam kalangan wakil industri.

Pelajar institusi itu turut mendapat pendedahan persediaan menempuh alam pekerjaan menerusi sesi temu duga dan dialog dengan wakil industri.

Antara agensi dan syarikat yang menjayakan sesi dialog industri ... so), Kelantan ... ration Sdn Bh... Kitchen.

Sementara ... Takaful, KM... Management ... Bhd dan Worl... unt Consultin... mengadakan ... memperken... kerjaya serta ... berpotensi u... oleh pelajar.



Pameran syarikat bagi pendedahan mengenai kerjaya kepada pelajar.




Sesi dialog wakil industri dengan pelajar antara pengisian program INNOTEX ...



# Sidang Redaksi

Penaung
Tn Hj Noor Azahan Othman

Penasihat
En Kamaludin Daud
Tn Hj Azahan Daud

Ketua Editor
Wan Mohd Hanafi Wan Abd Rahman

Editor
Muzirawati Md Mustafa
Madiha Hasbullah
Muzimah Aida Md Mustafa
Hafizah Ab Rahim
Noormey Mohd Noor
Kang Kim Soon

Setiausaha
Azmi Mamat

Grafik & Rekabentuk
Wan Mohd Hanafi Abd Rahman

Pasukan Penerbitan
Razali Abd Rashid
Rohaya Abdullah
Nor Amalina Mohd Nazli
Nurdalila Mohd Khali
Wan Nini Rohaya Wan Mohamed@Sidek
Alinawati Ab Aziz
Noor Izma Ab Ghani
Ahmad Omar
Nik Mohd Hafiz Abd Razak
Muzirawati Md Mustafa
Azahan Khan Alhammul Hack Khan
Mohd Pauzi Sidik
Juli Suzlin Jalaluddin
Junekh Eyat Eng Tian a/l Juan
Yuzaimi Yazid
Mohd Sani Said
Norazli Sham Kamarulzaman
Suziana Taib
Mohd Azri Abdul Ghani
Fathuddin Aizat Mohd Ariff

Fotografi
Rozenariah Mahat

# Catatan





ISSN 1394-4835

POLITEKNIK KOTA BHARU
KM 24, Kok Lanas, 16450 Ketereh, Kelantan
Tel : +609 788 9126 Fax : +609 788 8739
www.pkb.edu.my